

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2023

**HARI RABU : 29 NOVEMBER 2023**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 57 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA  
[TAMPIN]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah potensi industri kayu-kayan di Gemas, Tampin dan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara serta industri baharu yang boleh diwujudkan di dalam kawasan Parlimen Tampin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sentiasa prihatin dan berusaha untuk meningkatkan pembangunan industri kayu-kayan Negara. Pada masa ini industri kayu-kayan adalah penyumbang ketiga terbesar bagi sektor komoditi Negara iaitu **RM25.2 bilion** atau **12.2%** daripada jumlah keseluruhan eksport produk komoditi pada tahun 2022 yang berjumlah **RM207.27 bilion**.
2. Industri kayu-kayan di Negeri Sembilan telah menyumbang kepada pendapatan Negara melalui eksport produk kayu-kayan sebanyak **RM380 juta** atau **1.5%** daripada keseluruhan eksport pada tahun 2022. Selain daripada menyumbang kepada pendapatan eksport, industri kayu-kayan di Negeri Sembilan turut menyumbang **1.9%** iaitu **RM958 juta** daripada keseluruhan KDNK Negeri Sembilan iaitu **RM50.8 bilion**.
3. Terdapat **50** buah syarikat di Negeri Sembilan berdaftar dengan MTIB bagi tujuan pengeksporan dan **17** buah syarikat tersebut adalah dari Gemas, Tampin yang melibatkan jumlah eksport sebanyak **RM197 juta** (data adalah merujuk kepada sistem MTIB berdasarkan lesen eksport yang diluluskan). Syarikat-syarikat ini menjalankan operasi mengeluarkan produk *particleboard*, kayu gergaji dan papan lapis.
4. Selain itu, terdapat **13** syarikat usahawan Bumiputera yang beroperasi di Negeri Sembilan yang mana **70%** daripadanya mengeluarkan produk perabot seperti perabot rumah dan perabot sekolah manakala selebihnya mengeluarkan produk kayu gergaji dan produk ukiran. Daripada jumlah tersebut, **2** syarikat usahawan Bumiputera beroperasi di kawasan Gemas, Tampin yang mengeluarkan produk perabot rumah dan cenderahati berasaskan kayu.

## SOALAN NO : 11

5. Selain daripada aktiviti industri kayu-kayan sedia ada, kawasan Gemas, Tampin dilihat mempunyai potensi untuk melaksanakan program ladang komuniti (*community farming*) bagi memastikan bekalan bahan mentah yang berkekalan untuk industri kayu-kayan melalui penggunaan tanah terbiar oleh komuniti dan pihak industri. Selain dapat mengusahakan tanah terbiar, pelaksanaan ini juga boleh menambah pendapatan komuniti dan pihak industri pada masa hadapan dan dapat meneruskan aktiviti pengeluaran produk kayu untuk pasaran tempatan dan eksport yang boleh meningkatkan pendapatan negara.
6. Pada masa ini, Kementerian melalui Agensi di bawahnya iaitu MTIB dan Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) sedang melaksanakan program ladang komuniti melalui penanaman spesies pokok cepat tumbuh iaitu *Eucalyptus* dan *Batai* melibatkan pihak komuniti dan industri di Negeri Sembilan. Program ladang komuniti MTIB adalah melibatkan pihak komuniti di Batu Kikir di kawasan seluas **118 ekar**, manakala program ladang komuniti MTC melibatkan pihak industri di kawasan Gemas, Tampin. Program ini membolehkan pihak syarikat perkayuan membuat penanaman sendiri bagi mendapatkan bekalan bahan mentah yang berterusan.
7. Kawasan Tampin boleh dibangunkan melalui pengusahasilan bahan mentah dengan mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar di sekitar kawasan komuniti bagi memastikan bekalan bahan mentah khususnya untuk industri kayu kayan terus berkekalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan mengembangkan lagi program j-QAF ke peringkat sekolah menengah dan nyatakan halangan yang menyebabkan ianya masih tidak dilaksanakan sehingga sekarang walaupun pernah dicadangkan beberapa tahun yang lalu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Jawi, Quran, Arab dan Fardhu Ain (j-QAF) telah dilaksanakan bermula tahun 2005 di sekolah rendah KPM bagi memperkasakan pendidikan Islam. Objektif program j-QAF adalah untuk memastikan murid sekolah rendah menguasai bacaan dan tulisan jawi, menguasai bacaan dan khatam al-Quran, menguasai kemahiran asas bahasa Arab, menguasai wuduk dan menunaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan dan pelakuan. Model yang digubal dan dilaksanakan adalah berfokuskan perkara asas yang perlu dikuasai oleh murid di sekolah rendah.

Manakala pembelajaran pada peringkat menengah pula adalah berfokus kepada disiplin ilmu yang lebih mendalam seperti bidang al-Quran, hadis, akidah, fikah, sirah dan tamadun Islam serta akhlak Islamiah.

Walaupun program j-QAF tidak dilaksanakan di sekolah menengah, KPM terus melaksanakan program memperkasakan pendidikan Islam yang bersesuaian sebagai kesinambungan kepada program j-QAF. Dalam bidang al-Quran, penumpuan diberikan kepada ayat-ayat bacaan, hafazan dan kefahaman serta pengukuhan hukum tajwid. Pada masa yang sama, pengukuhan aspek fardu ain diteruskan melalui penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam selain pengukuhan aspek amali.

Sekian, terima kasih.

**RJM114**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN]

TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)

**SOALAN**

**DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian mampu memastikan penubuhan Pusat Geriatrik tidak menjadi tempat pengabaian ibu bapa oleh anak-anak yang enggan menjaga mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 KKM, salah satu perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi **Memperkuhkan Program Penjagaan Kesihatan untuk Warga Emas** adalah untuk menyediakan pusat dengan perkhidmatan *Seamless Geriatric Care (SGC)* bagi memperluaskan lagi perkhidmatan penjagaan geriatrik.
2. Perkhidmatan *Seamless Geriatric Care (SGC)* ini adalah menggunakan **fasiliti hospital dan klinik kesihatan sedia ada** dan dirancang untuk diperluaskan di setiap negeri di Malaysia. Sehingga kini, terdapat **14 pusat** yang melibatkan perkhidmatan multi-disiplin di hospital dan klinik kesihatan KKM yang menawarkan perkhidmatan ini. Perkhidmatan di pusat ini turut melibatkan **kolaborasi dari pelbagai pihak** seperti badan bukan kerajaan (NGO), Jabatan Kebajikan

## NO. SOALAN: 13

Masyarakat dan komuniti. Aspek rawatan rehabilitasi juga turut dimasukkan sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang ditawarkan dan ini bergantung kepada kapasiti fasiliti kesihatan yang terlibat.

3. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Pekan, seperti dimaklumkan, pelaksanaan perkhidmatan ini adalah **di fasiliti kesihatan sedia ada** yang mana fasiliti kesihatan ini turut menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang lain selain perkhidmatan geriatrik. Justeru, ia tidak akan menjadi tempat pengabaian ibu bapa oleh anak-anak yang enggan menjaga mereka kerana ianya **bukanlah fasiliti dengan infrastruktur yang berasingan** serta **bukan dibuka 24 jam**.

4. Kementerian Kesihatan juga sedang dalam usaha memperluaskan perkhidmatan ini ke seluruh negara secara berfasa agar perkhidmatan geriatrik yang berkualiti akan dapat ditawarkan secara komprehensif dan berkesan di pelbagai peringkat. Kerjasama antara pakar geriatrik di hospital-hospital KKM dan pakar perubatan keluarga di klinik-klinik kesihatan KKM akan sentiasa dipertingkatkan bagi meluaskan lagi perkhidmatan geriatrik ini demi kesejahteraan pesakit warga emas di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI  
MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian masih menjadikan Sister in Islam sebagai rakan strategik atau menjemput NGO tersebut bagi memberikan pandangan kepada pihak Kementerian memandangkan status NGO tersebut yang bermasalah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa terbuka mendengar pandangan, aduan mahupun cadangan daripada pelbagai pihak, sama ada atas kapasiti individu, berkumpulan seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar ataupun wakil kumpulan sasar Kementerian.

Pandangan dan cadangan yang boleh membantu menambah baik penyampaian perkhidmatan Kementerian kepada rakyat, selagi tidak bercanggah dengan perlembagaan, perundangan dan nilai yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia, akan dinilai sewajarnya dan dilaksanakan sekiranya boleh membantu mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS**  
**[ KOTA BELUD ]**  
**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [ KOTA BELUD ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi menambah baik kecekapan pengangkutan awam di Sabah selari dengan dasar pengangkutan awam yang lebih seimbang di antara wilayah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah sentiasa berusaha menambah baik kecekapan pengangkutan awam di Sabah selaras dengan hasrat Dasar Pengangkutan Negara.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, senario pengangkutan awam di Negeri Sabah agak unik di mana kebanyakan pengangkutan awam adalah milikan individu. Hal ini menyebabkan pengoperasian pengangkutan awam di Sabah lebih mencabar, kurang teratur, sukar dikawal dan kekerapan perkhidmatan juga sukar dijangka.
3. Bagi mencapai objektif Dasar Pengangkutan Negara melalui Teras 3, iaitu supaya pengguna mendapat maklumat masa sebenar pergerakan pengangkutan awam, LPKP Sabah telah memperkenalkan penggunaan sistem penentududukan sejagat (GPS) bersekali dengan sistem kutipan tambang secara elektronik kepada Bas Berhenti-henti dan Bas Mini, yang mana akan mula dikuatkuasa mulai 1 April 2024. Maklumat GPS tersebut kemudiannya akan dikehendaki untuk dikongsikan kepada paparan awam sebagai usaha penambahbaikan. Dengan sistem ini, LPKP Sabah dapat memantau prestasi pengusaha mengikut jadual yang telah ditetapkan dan seterusnya membolehkan pengusaha diambil tindakan sekiranya gagal untuk memberi perkhidmatan seperti yang ditetapkan.
4. Selain itu, LPKP Sabah juga telah mula menerapkan konsep *evidence based planning* dalam perancangan serta pembangunan sektor pengangkutan bagi memenuhi keperluan pasaran selaras Strategi 1.4, Dasar Pengangkutan Negara. Dalam hal ini, LPKP Sabah telah mewajibkan para pengusaha pengangkutan awam jenis bas untuk menyerahkan statistik penumpang (*ridership*) bagi membolehkan agensi mengenal pasti laluan yang mempunyai permintaan tinggi tersedia perkhidmatan.

**NO. SOALAN: 15**

5. Melalui penggunaan sistem GPS dan kutipan tambang secara elektronik, penyaluran inisiatif subsidi Program Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF) kepada pengendali akan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematis dan pengendali bus berhenti-henti akan dapat meneruskan perkhidmatan mereka dengan lebih cekap untuk kepentingan rakyat.

6. Selain itu, kerajaan turut dalam proses menyusun semula pengangkutan awam bus dengan memperkenalkan bus yang lebih selesa dan sistematis melalui program Transformasi Bus Berhenti-henti (SBST) di Kota Kinabalu. Melalui program ini, sistem pengangkutan awam bus yang berjadual dan lebih teratur akan tersedia kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM**  
**[PENDANG]**  
**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [ PENDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk melaksanakan kembali Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebagai langkah untuk meningkatkan pendapatan negara untuk dikembalikan dalam bentuk manfaat kepada rakyat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk mengembalikan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Sebarang perubahan polisi berkaitan cukai akan mengambil kira kesan terhadap ekonomi dan kos sara hidup rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan ekonomi semasa dan mempertimbangkan langkah-langkah fiskal yang bersesuaian dengan keperluan jangka pendek dan sederhana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH  
BARAT]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta MENTERI  
KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) perubahan ketara yang sedang diusahakan dalam sistem penjagaan kesihatan untuk memastikan kecekapan dan kualitinya; dan
- (b) tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menyekat doktor bertauliah daripada berhijrah ke hospital swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada penggal Parlimen yang lepas Kertas Putih Kesihatan telah diluluskan dengan sebulat suara oleh semua ahli Parlimen di dewan yang mulia ini. Kertas Putih ini akan menjadi dasar reformasi sistem kesihatan negara untuk 15 tahun akan datang. Pada masa ini, perancangan pelan implementasi Kertas Putih Kesihatan sedang dibangunkan untuk mengemukakan cadangan penyelesaian secara berfasa. Ia akan melibatkan reformasi penyampaian perkhidmatan, pembiayaan, tadbir urus serta organisasi kesihatan secara sistematik untuk memastikan sistem kesihatan negara cekap, berkualiti, mampan dan berdaya tahan.

2. Kementerian Kesihatan sentiasa prihatin dan cakna dengan isu sumber manusia dalam sistem kesihatan yang mempunyai sumber terhad dan cabaran akses perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada rakyat. Selaras dengan strategi digariskan menerusi Kertas Putih Kesihatan iaitu "Memperkuhkan Aras Sistem Kesihatan dan Tadbir Urus". Kementerian Kesihatan akan terus komited untuk memantapkan struktur organisasi, memastikan kecekapan mobilisasi sumber manusia untuk kesihatan dan memohon penambahan perjawatan selaras keperluan perkhidmatan terutamanya bagi fasiliti yang baharu dan fasiliti yang dinaik taraf.

3. Antara faktor utama penghijrahan Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan Kementerian ke hospital swasta adalah disebabkan insentif dan gaji yang lebih tinggi ditawarkan sektor kesihatan swasta. Bagi menangani isu penghijrahan Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan Kementerian ke sektor kesihatan swasta, antara inisiatif yang telah diambil adalah:

- (a) Bayaran Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital atas kadar RM80.00 sejam bagi Pegawai Perubatan yang bertugas di klinik rawatan pesakit luar selepas waktu pejabat di Jabatan Kecemasan Hospital atau di Klinik Kesihatan kerajaan yang menawarkan perkhidmatan *extended hours*;

## NO. SOALAN: 17

- (b) Tempoh kenaikan pangkat ke gred UD54 lebih cepat melalui *time based promotion* iaitu 9 tahun bagi laluan kerjaya Pakar Perubatan dan 12 tahun bagi laluan kerjaya bukan pakar. Bagi Pakar Perubatan yang telah diwartakan dan berada di Gred UD54 untuk tempoh 5 tahun boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Gred UD56;
- (c) Pewujudan jawatan fleksi dari Gred UD44 hingga Gred UD56 bagi memberi peluang kepada Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan untuk meningkat dalam kerjaya melalui kaedah kenaikan pangkat tanpa terikat kepada keperluan kekosongan jawatan; dan
- (d) Menawarkan pengajian kepakaran Sarjana Perubatan/Sarjana Pergigian dengan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada Pegawai Perubatan tetap dan Program Latihan Kepakaran (PLK) secara *Parallel Pathway* bagi Pegawai Perubatan kontrak.

4. Selaras dengan prinsip MADANI yang menitikberatkan kebajikan pekerja, Kerajaan sedang melaksanakan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menyemak semula gaji, insentif, elaun dan kemudahan anggota perkhidmatan awam termasuk pegawai di sektor kesihatan awam.

5. Dalam menjayakan kajian ini, Kementerian Kesihatan telah mengemukakan input termasuk yang dikumpul daripada persatuan/kesatuan dan pegawai kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang melibatkan cadangan penambahbaikan skim perkhidmatan, gaji, elaun dan kemudahan serta laluan kerjaya bagi kesemua skim perkhidmatan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan.

6. Kementerian Kesihatan dengan sokongan daripada agensi pusat akan terus berusaha untuk menambah baik persekitaran kerja, insentif dan kemudahan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta  
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kementerian yang terkini dalam membantu usahawan-usahawan informal dan mikro yang masih terjejas akibat kenaikan harga barang yang melampau sehingga menyebabkan kesukaran untuk usahawan ini memulakan semula perniagaannya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensinya komited bagi membantu usahawan informal dan mikro yang masih terjejas akibat kenaikan harga barang yang melampau sehingga menyebabkan kesukaran untuk memulakan semula perniagaan mereka.

2. Dalam hubungan ini, antara langkah yang diambil oleh KUSKOP untuk membantu usahawan yang masih terjejas adalah dengan:

- (i) menyediakan bantuan pinjaman kewangan antaranya seperti skim-skim pembiayaan di bawah TEKUN Nasional dan Skim Pembiayaan Ikhtiar di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) kepada usahawan mikro dan informal. Agensi-agensi pembiaya di bawah KUSKOP juga telah mempermudah proses permohonan dengan mengurangkan dokumentasi yang diperlukan dan memendekkan tempoh masa memproses permohonan;
- (ii) menggalakkan penglibatan usahawan mikro dan informal untuk menjalankan perniagaan mereka dalam program-program anjuran KUSKOP dan agensi-agensi di bawahnya seperti Program Hari Penjaja dan Peniaga Kecil, Program Mini Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil dan Program Jualan Madani Koperasi; dan
- (iii) menggalakkan usahawan mikro dan informal untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pengurusan perniagaan dan kewangan melalui program-program yang ditawarkan oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP seperti di bawah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai pelaksanaan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih dan rancangan untuk memperluaskan konsep sekolah ini ke Sabah dan Sarawak terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman yang mempunyai kes kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri yang tinggi terutamanya di kawasan sempadan Sabah/Sarawak-Indonesia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab memastikan semua kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menggariskan penyediaan akses dan ekuiti untuk memberi peluang kepada semua murid memperoleh pendidikan berkualiti. KPM juga telah memperkenalkan dasar pendidikan wajib yang merupakan satu dasar yang disokong oleh perundangan bawah Akta Pendidikan 1996 (Pindaan) 2002 untuk mewajibkan kanak-kanak dalam lingkungan umur yang ditetapkan mendapat pendidikan secara formal.

KPM telah menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Kuala Lumpur pada tahun 2013. SBJK ditubuhkan dengan tujuan memberikan akses pendidikan kepada kanak-kanak jalanan dan terpinggir di sekitar Kuala Lumpur. Objektif SBJK ditubuhkan adalah seperti berikut:

- i. menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif bagi kanak-kanak jalanan dan terpinggir;
- ii. mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan penduduk Malaysia;
- iii. memberi peluang membentuk laluan kerjaya kepada kanak-kanak jalanan dan terpinggir; dan
- iv. membina insan yang berilmu, berkemahiran, berdikari dan diterima oleh masyarakat.

Syarat kemasukan murid ke SBJK adalah pengambilan murid akan berfokuskan murid warganegara Malaysia. Kanak-kanak yang diterima masuk ke SBJK adalah kanak-kanak warganegara Malaysia atau anak kepada salah seorang ibu bapa berstatus warganegara Malaysia dalam kelompok seperti berikut:

- i. kanak-kanak yang tercicir berpanjangan daripada keluarga miskin tegar;
- ii. kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri;
- iii. kanak-kanak jalanan; dan

## SOALAN NO : 19

- iv. kanak-kanak yatim piatu yang tinggal di pusat kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

KPM telah memperluaskan konsep SBJK ini ke negeri Sabah dengan memberi tumpuan di daerah Kota Kinabalu bermula Oktober 2023. Pengambilan murid di SBJK, Kota Kinabalu ini akan memberi fokus kepada kanak-kanak yang tercicir berpanjangan daripada keluarga miskin tegar dan kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri.

KPM komited menyediakan akses kepada semua kanak-kanak berpandukan perundangan sedia ada tanpa berkompromi terutama dari aspek kedaulatan dan keselamatan negara.

Sekian, terima kasih.

RJM116

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI  
[ KUALA KRAU ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [ KUALA KRAU ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kemaskini terkini mengenai siasatan Pasukan Tugas Khas Kementerian Pengangkutan yang menyiasat JPJandora Papers agar bidaan nombor plat berlaku lebih telus dan tidak lagi dibeli secara pukal oleh scalper iaitu “pembeli hantu”.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan oleh pihak Kementerian dan pasukan ini telah bersidang pada 26 September 2023. Terma Rujukan Pasukan Petugas Khas ini adalah seperti berikut:

- i. Menyemak dan mengenal pasti Akta dan peraturan yang berkuatkuasa berkaitan pengurusan nombor pendaftaran klasik (lama);
- ii. Menyemak pematuhan terhadap Akta dan peraturan yang berkuat kuasa;
- iii. Menyemak amalan pelaksanaan dalam pengurusan nombor pendaftaran klasik (lama);
- iv. Menyemak dan mengenal pasti ruang dan peluang berlakunya penyelewengan, salah guna kuasa atau rasuah dalam pengurusan nombor pendaftaran klasik (lama);
- v. Mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada Akta, peraturan, prosedur dan garis panduan dalam pengurusan nombor pendaftaran klasik (lama); dan
- vi. Menyedia dan mengemukakan pelaporan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia dalam tempoh dua (2) bulan.

2. Laporan penuh pasukan siasatan ini akan dikemukakan kepada pimpinan Kementerian Pengangkutan sebelum akhir bulan Disember 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI  
(BETONG)**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [ BETONG ]** minta  
**MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) Berapa jumlah pengeksporan produk lada tidak diproses dan yang telah diproses dari Sarawak dari tahun 2018-2022; dan
- (b) Berapa jumlah lada tidak diproses yang diimport dari luar negara dan apakah usaha pihak Kementerian untuk menentukan integriti dan kualiti lada di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, produk komoditi lada yang dieksport ke luar negara adalah yang telah diproses. Bagi tempoh 2018 sehingga 2022, jumlah eksport komoditi lada dari Sarawak mencatat **47.32 ribu tan** dengan nilai sebanyak **RM765.08 juta**. Jumlah eksport ini merangkumi produk lada hitam dan lada putih dalam bentuk biji dan juga serbuk.
2. Produk lada yang diimport dari luar negara terdiri daripada produk lada yang telah diproses sahaja. Bagi tempoh yang sama antara tahun 2018 sehingga tahun 2022, Malaysia telah mengimport sebanyak **14.09 ribu tan** lada yang bernilai **RM265.08 juta** dari kalangan negara-negara pengeluar lada yang lain seperti Vietnam, Indonesia dan India. Malaysia masih lagi mengimport produk komoditi lada daripada negara lain bagi menampung permintaan beberapa segmen pasaran tempatan yang inginkan kepelbagaian pilihan produk lada dengan kualiti yang berbeza dan harga yang lebih rendah.
3. Pihak Kementerian, melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) turut menyediakan kemudahan perkhidmatan analisis makmal yang bertujuan untuk memastikan standard piawaian dan keselamatan makanan untuk produk lada Malaysia yang dieksport ke peringkat antarabangsa sentiasa terpelihara dan berada pada tahap kualiti dan integriti yang tinggi pada setiap masa.
4. Bagi mengekalkan aspek kualiti dan reputasi lada Sarawak, pihak MPB telah mengambil inisiatif dan mendaftarkan **Lada Sarawak** di bawah Petunjuk Geografi, atau dengan izin *Geographical Indication* (GI) pada tahun 2003. Pendekatan ini diambil bertujuan bagi meminimalkan risiko pihak lain untuk melakukan sebarang bentuk eksploitasi terhadap produk Lada Sarawak.

## NO. SOALAN : 21

5. Kementerian Perladangan dan Komoditi melalui MPB dalam usaha untuk memastikan pengeluaran produk lada berkualiti secara berterusan, juga sedang menyediakan bantuan melalui **Program Pembangunan Pengeluaran Lada Premium (PPLP)**, yang menggalakkan pekebun-pekebun kecil menghasilkan lada premium seperti **Lada Putih Krim (LPK)** dan **Lada Berkualiti Eksport (LBE)** di peringkat ladang.
  
6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak **RM3 juta** telah diperuntukkan di bawah RMK-12 bagi tempoh tahun 2022 hingga tahun 2025. Sehingga 20 September 2023, seramai **40 orang pekebun** telah menerima manfaat di bawah program ini, yang merangkumi kawasan seluas **7.2 hektar** dengan nilai bantuan sebanyak **RM170,000** (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Tujuh Puluh Ribu Sahaja).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ZAKRI BIN HASSAN [ KANGAR ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ZAKRI BIN HASSAN [ KANGAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai begitu ramai peniaga warga asing yang menjalankan perniagaan seolah-olah tanpa pengawasan pihak Kerajaan khususnya di Kuala Lumpur.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan dan keberadaan warga asing di Malaysia adalah tertakluk kepada dasar, peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa. Hal ini termasuklah keperluan untuk memiliki dokumen perjalanan yang sah, mematuhi tempoh keberadaan yang dibenarkan serta pematuhan kepada syarat-syarat pas yang dikeluarkan.

Pekerja asing di Malaysia hanya dibenarkan bekerja di sektor penggajian yang ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM). Dasar penggajian pekerja asing menetapkan supaya semua pekerja asing yang bekerja di Malaysia untuk mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah selaras dengan Peraturan 11, Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Dalam hubungan ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam memastikan syarat-syarat PLKS dipatuhi selaras dengan peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Isu warga asing yang menjalankan perniagaan di kawasan tumpuan awam seperti di pasar-pasar awam atau gerai-gerai sentiasa dipantau oleh pihak Kerajaan melalui kerjasama strategik antara KDN, JIM, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa. Selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja di bawah PBT, kelulusan sewaan tapak pasar awam dan pengeluaran lesen hanya diberikan kepada warganegara Malaysia sahaja dan warga asing yang bekerja dengan penyewa tapak pasar malam tersebut mestilah mempunyai pas kerja yang sah. Bagi penyewa tapak pasar yang menyewakan tapak kepada warga asing, PBT tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas dengan menarik semula sewaan tapak serta lesen perniagaan dibatalkan.

Sebagai usaha pembanterasan pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini, KDN melalui JIM sentiasa melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu dengan pihak PBT. Antara operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan ialah Ops Belanja dan Ops Jaja bagi mengatasi isu permasalahan warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa

## SOALAN NO: 22

lesen yang sah. Ops Belanja menyasarkan premis-premis antaranya seperti pasar mini atau pasar raya, kedai runcit dan kedai perabot.

Bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 22 September 2023, seramai 3,159 PATI telah ditangkap atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] melalui pelaksanaan Ops Belanja. Antara kesalahan-kesalahan yang direkodkan adalah tiada dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa, salah guna pas dan melindungi PATI. Bagi tempoh yang sama, 585 PATI telah ditangkap semasa Ops Jaja yang menumpukan kawasan-kawasan seperti pasar malam, pasar tani, pasar borong dan gerai-gerai jalanan.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, JIM turut mengambil langkah tambahan bagi memastikan warga asing tidak menyalahgunakan pas imigresen untuk kepentingan peribadi seperti berkahwin dengan warganegara Malaysia yang dikategorikan sebagai *marriage of convenient*, iaitu:

- (i) melaksanakan pemantauan dan semakan melalui naziran;
- (ii) mengadakan temu duga dengan pasangan yang berkenaan; dan
- (iii) mengenakan wang cagaran kepada penaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. WEE JECK SENG  
[ TANJUNG PIAI ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [ TANJUNG PIAI ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kaedah penyelesaian permohonan pembetulan daftar kelahiran yang tidak memasukkan nama bapa dalam sijil kelahiran disebabkan ketidakhadiran bapa ketika pendaftaran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembetulan maklumat dalam dokumen kelahiran, sama ada dalam sijil kelahiran atau kad pengenalan boleh dimohon jika ada maklumat tidak tepat atau meragukan pada dokumen berkenaan.

Pemohon yang ingin melakukan pembetulan, sama ada nama, tarikh dan tempat kelahiran perlu mengemukakan dokumen sokongan bagi membuktikan berlaku kesilapan fakta dalam pendaftaran untuk pertimbangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Sebarang permohonan pembetulan maklumat boleh dikemukakan di mana-mana pejabat JPN yang berhampiran dengan membawa bersama dokumen sokongan berkaitan untuk semakan dan pertimbangan sewajarnya oleh pihak JPN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN  
(SUNGAI BULOH)**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN (SUNGAI BULOH)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan bagi pembinaan pusat sehenti "*one stop centre*" bagi Pemberdayaan Wanita dan Keluarga di setiap kawasan Parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mempunyai dua belas (12) Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) yang bertujuan untuk membangunkan pemberdayaan atau pemeraksanaan golongan wanita. Pelbagai aktiviti dan program telah dilaksanakan bagi membangunkan kapasiti wanita dengan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang.

Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) ini telah ditubuhkan pada 1 Mac 2002 yang merangkumi seluruh negeri di Semenanjung Malaysia termasuklah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Dalam usaha memastikan setiap inisiatif pemeraksanaan wanita turut sampai kepada wanita di Sabah dan Sarawak, KPWKM

## SOALAN NO. : 24

menggunakan platform kolaborasi strategik bersama-sama Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah dan Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak.

Selain itu, KPWKM melalui JPW juga telah menyediakan 14 buah Laman Wanita (LaWa) di tujuh (7) buah negeri yang diuruskan oleh PPWN yang berkenaan. LaWa menyediakan kemudahan tempat untuk melaksanakan program-program pembangunan kapasiti dan kesejahteraan wanita. PPWN dan LaWa ini turut bertindak sebagai pusat sehati wanita dalam menyahut agenda pemerkasaan wanita.

Konsep *one stop centre* untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung perkhidmatan KPWKM serta pemberdayaan wanita dan keluarga ini bukan sahaja oleh diakses dengan menghubungi atau hadir secara fizikal di PPWN dan LaWa tersebut, malah ia boleh dilakukan di mana-mana pejabat agensi di bawah KPWKM yang lain.

Ini termasuk 105 cawangan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan Kompleks Penyayang di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), enam (6) Pusat Keluarga Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), dan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang boleh dimanfaatkan bersama.

Pada masa yang sama, pertanyaan juga boleh diajukan melalui Talian Kasih 15999 yang disediakan secara percuma oleh KPWKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah bentuk usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu golongan peniaga kecil dan penjaja khususnya di luar bandar yang terkesan dengan peningkatan harga barangan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensi-agensinya sentiasa berusaha bagi membantu golongan penjaja dan peniaga kecil termasuk di kawasan luar bandar yang terkesan akibat kenaikan harga barang sehingga memberi kesan kepada perniagaan mereka.

2. Dalam hubungan ini, antara langkah yang diambil oleh KUSKOP melalui agensi-agensinya adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan bantuan pinjaman kewangan melalui skim-skim pembiayaan di bawah TEKUN Nasional, Skim Pembiayaan Mikro-i oleh Bank Rakyat dan Skim Pembiayaan Ikhtiar di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) kepada usahawan mikro dan informal. Agensi-agensi pembiaya di bawah KUSKOP juga telah mempermudah proses permohonan dengan mengurangkan dokumentasi yang diperlukan dan memendekkan tempoh masa memproses permohonan;
- (ii) menggalakkan penglibatan usahawan mikro dan informal untuk menjalankan perniagaan mereka dalam program-program anjuran KUSKOP dan agensi-agensi di bawahnya seperti Program Hari Penjaja dan Peniaga Kecil, Program Mini Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil dan Program Jualan Madani Koperasi; dan
- (iii) menggalakkan usahawan mikro dan informal untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pengurusan perniagaan dan kewangan melalui program-program yang ditawarkan oleh agensi-agensi di bawah KUSKOP seperti di bawah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN  
HAJI  
MOHD. YASSIN [PAGOH]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kerajaan untuk mempercepat pemulihan industri perusahaan kecil, sederhana dan mikro (PMKS), terutama dalam membantu usahawan Bumiputera yang amat terkesan pasca pandemik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha memulihkan sektor keusahawanan menjadi salah satu fokus utama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) agar semua Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk usahawan bumiputera lebih berdaya maju dan berdaya tahan. Antara langkah khusus yang telah diambil oleh KUSKOP dan agensi-agensinya bagi membantu usahawan Bumiputera yang terkesan pasca pandemik adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan bantuan pembiayaan kepada usahawan mikro bumiputera di bawah **Skim Pembiayaan TEKUN Niaga.**

## SOALAN NO : 26

Sehingga Oktober 2023, sebanyak 40,491 orang usahawan mikro bumiputera telah menerima pembiayaan melibatkan nilai pembiayaan berjumlah RM RM886.9 juta;

- (ii) menawarkan program bantuan bersepadu termasuk geran kepada usahawan PMKS bumiputera melalui **Program Tunas Usahawan Bumiputera (TUBE)** dan **Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP)** di bawah SME Corp. Sehingga Oktober 2023, seramai 546 usahawan belia bumiputera telah menerima geran berjumlah RM8.3 juta di bawah program TUBE. Melalui program BEEP pula, sebanyak 185 usahawan bumiputera telah menerima geran padanan berjumlah RM18.87 juta;
- (iii) menyediakan program bimbingan eksport bagi membantu meningkatkan keupayaan PKS bumiputera ke pasaran eksport melalui **Program Business Exports Program (BEP)** di bawah SME Bank dan **Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB)** oleh SME Corp. Sehingga Disember 2022, sebanyak 47 usahawan PKS bumiputera telah menerima pembiayaan berjumlah RM120.4 juta. Di bawah program GEB pula, sehingga September 2023, sebanyak 17 usahawan PKS bumiputera telah menerima geran berjumlah RM2.93 juta; dan
- (iv) memberi bimbingan kepada usahawan untuk meningkatkan skala perniagaan dan latihan pemasaran melalui program **Program Bimbingan Bisnes Bumiputera INSKEN (IBBC)**. Sehingga Oktober 2023, sebanyak 20 kohort latihan di bawah program IBBC sedang dilaksanakan melibatkan seramai 549 usahawan bumiputera.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah kes keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, pencabulan kehormatan, liwat, mengaibkan kehormatan dan jenayah seksual kanak-kanak yang dilaporkan di Malaysia mengikut pecahan negeri pada tahun 2018 sehingga 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Statistik keseluruhan kes-kes yang melibatkan jenayah seksual kanak-kanak yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2018 hingga tahun 2022 adalah sebanyak **5,397 kes**. Daripada jumlah ini, tahun 2022 mencatatkan jumlah kes yang tertinggi iaitu sebanyak **1,240 kes**. Manakala tahun 2018 pula mencatatkan jumlah kes yang terendah iaitu sebanyak **901 kes**.

Pecahan mengikut negeri pula menunjukkan negeri Selangor mencatatkan kes tertinggi berbanding negeri yang lain iaitu sebanyak **1,286 kes**. Manakala, negeri yang mencatatkan kes terendah adalah negeri Perlis dengan bilangan kes sebanyak **65 kes** yang dicatatkan bermula tahun 2018 hingga tahun 2022.

Bagi kes jenayah rogol, sebanyak **6,710 kes** telah dilaporkan sepanjang tempoh dari tahun 2018 hingga tahun 2022, di mana tahun 2022

## SOALAN NO : 27

mencatatkan kes jenayah rogol yang tertinggi iaitu sebanyak **1,388 kes** manakala tahun 2020 mencatatkan kes yang terendah iaitu sebanyak **1,293 kes**. Terdapat sebanyak **362 kes** jenayah rogol berkumpulan dicatatkan dari tahun 2018-2022 dan tahun 2022 mencatatkan kes tertinggi iaitu sebanyak **103 kes** berbanding **50 kes** dicatatkan pada tahun 2019.

Seterusnya bagi jenayah sumbang mahram dan cabul kehormatan, tahun 2019 mencatatkan kes tertinggi bagi kedua-dua kategori kesalahan ini dengan masing-masing mencatatkan jumlah kes sebanyak **300 kes** dan **1,065 kes**. Kes jenayah gangguan seksual pula mencatatkan kes tertinggi pada tahun 2021 dengan jumlah kes sebanyak **506 kes**, manakala kes tertinggi bagi jenayah seks luar tabi'ie pula adalah sebanyak **297 kes** yang dicatatkan pada tahun 2019.

Kes jenayah melibatkan keganasan rumah tangga mencatatkan jumlah sebanyak **30,346 kes** yang dicatatkan dari tahun 2018-2022. Daripada jumlah ini, tahun 2021 mencatatkan kes keganasan rumah tangga yang tertinggi iaitu sebanyak **7,468 kes** berbanding kes terendah yang dicatatkan pada tahun 2020 iaitu sebanyak **5,260 kes**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
[KUALA LANGAT]**

**TARIKH** : **29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berkaitan status keluaran tahunan tenaga kerja paramedik, pembantu perubatan dan jururawat di Malaysia, adakah pandemik COVID-19 yang lalu memberi kesan kepada kecukupan tenaga kerja kedua-dua bidang paramedik ini; dan
- (b) justifikasi untuk membenarkan jururawat tanpa Sijil Pos Basik dari luar negara untuk berkhidmat di hospital-hospital swasta dalam negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan melalui 19 buah institut latihan di bawah Kementerian melaksanakan tanggungjawab untuk melatih bakal anggota paramedik seperti Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan, sebelum mereka ditawarkan untuk berkhidmat di fasiliti Kementerian.
2. Seperti mana kesan pandemik COVID-19 terhadap sektor-sektor yang lain, sektor kesihatan terutamanya Kementerian Kesihatan turut

menerima kesan daripada pandemik COVID-19. Salah satunya adalah gangguan dalam proses penghasilan anggota paramedik daripada institut latihan di bawah Kementerian.

3. Gangguan penghasilan ini berlaku berikutan aktiviti pengambilan terpaksa ditangguhkan buat sementara, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta latihan klinikal terpaksa ditangguhkan buat seketika selaras dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan. Penangguhan ini melibatkan Kursus Pra-Perkhidmatan dan Program Latihan Lanjutan lain seperti kursus-kursus pos basik yang diikuti oleh anggota paramedik yang sedang berkhidmat. Selain itu, anggota paramedik yang sedang menjalani latihan di bawah Program Latihan Lanjutan turut dimobilisasikan sementara untuk membantu petugas barisan hadapan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 serta fasiliti-fasiliti kesihatan di seluruh negara.

4. Walau apapun keadaan yang dilalui dalam tempoh pandemik COVID-19, akhirnya Kementerian Kesihatan masih berjaya mengeluarkan seramai 2,127 graduan Diploma Kejururawatan dan 2,134 graduan Diploma Sains Perubatan dan Kesihatan dari institut latihan di bawah Kementerian di sepanjang tempoh tahun 2020 hingga Jun 2023. Kesemua graduan ini telah pun dilantik untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan sebagai Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kementerian Kesihatan memahami kekhuatiran masyarakat berikutan kelonggaran sementara yang diberikan kepada fasiliti kesihatan swasta untuk menggaji Jururawat Terlatih Warga Asing. Kementerian Kesihatan turut cakna mengenai isu permohonan fasiliti kesihatan swasta untuk mengambil Jururawat Terlatih Warga Asing untuk bekerja di fasiliti kesihatan swasta. Dalam menangani kedua-dua isu keperluan ini dengan secara berhemah, Lembaga Jururawat Malaysia telah bersetuju untuk membenarkan kemasukan tenaga kerja Jururawat Terlatih Warga Asing untuk bekerja di fasiliti kesihatan swasta sahaja, dengan syarat fasiliti kesihatan swasta dikehendaki mematuhi syarat ketat seperti berikut:

**NO. SOALAN: 28**

- (a) kelonggaran ini diberi secara bersyarat kepada fasiliti kesihatan swasta sahaja untuk menggaji Jururawat Terlatih Warga Asing bagi tempoh hingga satu (1) tahun bermula 1 Oktober 2023 hingga 30 September 2024. Sebarang keperluan penggajian melebihi tempoh tersebut, tidak akan dibenarkan melainkan mempunyai justifikasi yang kukuh. Kelulusan pelanjutan sekiranya diberikan, tertakluk kepada penilaian semula kelulusan Perakuan Pengamalan Sementara (TPC) oleh Lembaga Jururawat Malaysia;
- (b) ambilan bekerja bagi Jururawat Terlatih Warga Asing hendaklah mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri; dan
- (c) jumlah Jururawat Terlatih Warga Asing di setiap fasiliti kesihatan swasta tidak boleh melebihi 40 peratus daripada jumlah jururawat di fasiliti kesihatan swasta yang berkenaan.

6. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan menasihatkan agar fasiliti kesihatan swasta membuat perancangan bagi mengutamakan keluaran graduan Diploma Kejururawatan dari dalam negara khususnya dari kalangan warganegara. Kebenaran ini diberikan untuk tempoh satu (1) tahun bagi membantu fasiliti kesihatan swasta menangani isu *backlog* dan keperluan mendesak. Langkah ini diharapkan berupaya memberi kelegaan dan impak yang positif terhadap sektor ekonomi kesihatan dan industri pelancongan kesihatan di dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan:**

- (a) adakah entiti Korporat dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (SME) bersedia untuk peralihan tenaga hijau; dan
- (b) adakah Kerajaan berusaha untuk menggabungkan pendidikan kemahiran hijau di institusi TVET dan kursus pembangunan mampan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Tinjauan PMKS tahun 2023 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui SME Corp., terdapat peningkatan yang amat ketara dalam tahap kesedaran di kalangan PMKS terhadap kepentingan untuk menerapkan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam perniagaan mereka termasuk dalam aspek peralihan hijau. Bagi membantu PMKS mempersiapkan operasi perniagaan mereka ke arah amalan ESG, SME Corp. telah menyediakan Rangka Kerja Kelestarian PMKS, satu rangka kerja yang holistik dan mempunyai tiga (3) tahap pelaksanaan iaitu:

- (i) tahap pertama untuk membangunkan ekosistem kelestarian PMKS;
- (ii) tahap kedua untuk menyampaikan sokongan ESG yang menyeluruh oleh kerajaan bagi memudah cara perjalanan kelestarian PMKS; dan
- (iii) tahap ketiga untuk pelaksanaan berstruktur di peringkat syarikat.

2. Selain itu, SME Corp. telah menyediakan panduan asas pelaksanaan ESG bagi PMKS yang merangkumi kriteria asas dan sepunya bagi penerapan amalan ESG di kalangan PMKS di negara ini. Panduan ini dirancang untuk dilancarkan selepas dibentangkan dalam Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

3. Mengenai usaha bagi menerapkan teknologi dan kemahiran hijau dalam pelaksanaan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan beberapa Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) untuk digunakan dalam latihan berteraskan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Antara NOSS yang telah dibangun dan digunakan oleh penyedia latihan adalah Perundingan & Pengurusan Bangunan Hijau, Pengurusan Sistem

## SOALAN NO : 29

PV Solar, Kawalan Pembuatan Panel Solar, dan Pemasangan dan Penyelenggaraan Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik.

4. Pada masa ini, kursus-kursus berteraskan kemahiran hijau juga telah diperkenalkan di institusi-institusi TVET sebagai usaha melahirkan modal insan berkemahiran dalam ekosistem ini. Selain itu, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) telah mengintegrasikan elemen teknologi hijau ke dalam silibus pembelajaran di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran pelajar seperti teknologi elektrik hibrid, kenderaan elektrik, penjimatan tenaga dan tenaga solar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KALAM BIN SALAN [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian mengenai projek rintis kelas *hybrid* sebagai proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) baharu yang melibatkan 110 institusi pendidikan terpilih dan 550 kelas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk memastikan sistem pendidikan terus diperkasakan sejajar dengan keperluan dan masa hadapan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang melaksanakan kaedah baharu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) pasca pandemik COVID-19 melalui pelaksanaan secara rintis kelas hibrid untuk 110 buah institusi pendidikan terpilih yang melibatkan 550 buah kelas. Pelaksanaan rintis kelas hibrid ini akan mengupayakan PdP secara digital dan bersemuka dalam satu ekosistem yang sama. PdP secara silang dapat dilaksanakan di antara kelas dan sekolah yang meliputi dalam juga luar negara. Melalui kaedah ini, pakar daripada pelbagai bidang dapat dilibatkan bagi meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan dalam kalangan guru dan murid.

Melalui pelaksanaan rintis kelas hibrid ini, semua kelas tersebut akan dinaik taraf pendawaian elektrik dalam kelas serta akan dilengkapi dengan kemudahan peralatan digital Smart Board, TV pintar, set kamera dan perakam suara (air mic). Infrastruktur rangkaian dalaman (Local Area Network – LAN) juga akan dinaik taraf bagi membolehkan capaian Internet disediakan di semua kelas tersebut.

Sekian, terima kasih.

**RJM119**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN  
[ BENTONG ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Young Syefura binti Othman [ Bentong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang telah disiasat dan ditangkap, kes yang disenaraikan “No Further Action” (NFA), kes yang dituduh di mahkamah serta kes tertuduh didapati bersalah serta pecahan mengikut warganegara, kaum, jantina, umur, jenis kesalahan (isu 3R, penghinaan terhadap kehakiman, Parlimen dan lain-lain) di bawah Akta Hasutan bagi tahun 2023.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Statistik kertas siasatan yang dibuka dan disiasat di bawah Akta Hasutan 1948 bagi tahun 2023 adalah sebanyak **85 kertas siasatan**. Daripada jumlah itu, 6 kertas siasatan telah dituduh, 1 kes telah diberikan kompaun, dan 39 kes lagi masih dalam siasatan pihak PDRM.

Statistik orang yang ditangkap untuk siasatan melibatkan kes yang disiasat di bawah Akta Hasutan 1948 mengikut warganegara, jantina, pecahan kaum dan umur bagi tahun 2023 menunjukkan **53 orang** terdiri daripada warganegara Malaysia. Daripada jumlah itu, 45 orang ditangkap adalah lelaki dan 8 orang perempuan.

Statistik orang yang dituduh melibatkan kes yang disiasat di bawah Akta Hasutan 1948 mengikut warganegara, jantina, kaum dan umur bagi tahun 2023 menunjukkan **6 orang** adalah warganegara Malaysia dan berjantina lelaki.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [ SELANGAU ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN EDWIN ANAK BANTA [ SELANGAU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah ada peruntukan untuk menyedia atau membekalkan televisyen pintar (*smart TV*) kepada sekolah luar bandar terutamanya di kawasan Parlimen Selangau. Ini memandangkan ia adalah keperluan asas dalam sistem pembelajaran dan pengajaran pada masa kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi menyahut cabaran pembelajaran digital abad ke-21, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima peruntukan bagi pelaksanaan kaedah baharu pengajaran dan pembelajaran (PdP) termasuk perolehan pembekalan televisyen pintar (*smart TV*) untuk melaksanakan projek rintis kelas hibrid di 110 institusi pendidikan terpilih yang melibatkan 550 buah kelas termasuk di sekolah luar bandar.

Pelaksanaan rintis kelas hibrid ini akan mengupayakan PdP melalui pelantar digital yang membolehkan pembelajaran dilaksanakan secara bersemuka dan dalam talian. Pada masa ini, Kerajaan telah melaksanakan lima (5) buah sekolah rintis untuk projek kelas hibrid di Sarawak yang tidak merangkumi Parlimen Selangau. Walau bagaimanapun, KPM telah memohon peruntukan pembangunan RMKe-12 *Rolling Plan* Empat (RP 4) Tahun 2024 bagi peluasan pelaksanaan kelas hibrid bagi 400 institusi pendidikan merangkumi 2,000 kelas termasuk juga di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

RJM118

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN**  
**[ SUNGAI BULOH ]**  
**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' RAMANAN RAMAKRISHNAN [ SUNGAI BULOH ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan secara terperinci bagi Pembangunan Subang Skypark sejak menerima cadangan daripada pihak Malaysia Airport Holdings pada bulan April 2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 28 Jun 2023 telah bersetuju terhadap pembangunan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang yang akan dilaksanakan berasaskan kepada *Subang Airport Regeneration Plan (SARP)* yang disediakan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan polisi-polisi semasa Kerajaan yang berkaitan.
2. Pembangunan LTSAAS tersebut akan memberi fokus terhadap 3 komponen utama iaitu Ekosistem Aeroangkasa (*Aerospace Ecosystem*), Operasi Penerbangan Perniagaan (*Business Aviation*) dan *City Airport Terminal*. Dalam hubungan ini, strategi utama pembangunan LTSAAS melibatkan penyusunan semula susun atur kawasan udara (*airside*) dan

darat (*landside*) serta mengoptimumkan kawasan operasi penerbangan perniagaan, pembangunan semula kawasan industri aeroangkasa sedia ada dengan memperkukuhkan infrastruktur dan membuka ruang baharu untuk segmen *Maintenance, Repair and Overhaul (MRO)* bernilai tinggi serta pemodenan dan pembesaran LTSAAS menjadi *New Green City Airport Terminal* yang lengkap bagi pengendalian perkhidmatan penerbangan berjadual menggunakan pesawat jet.

3. Pembangunan New Green City Airport Terminal akan melibatkan 3 fasa iaitu Fasa Interim mulai tahun 2023 - 2024, Fasa Pertama mulai tahun 2024 - 2027 dan Fasa Kedua mulai tahun 2028 - 2030. Pembangunan Fasa Interim bagi operasi jet di Terminal 3 sedia ada LTSAAS akan melibatkan peningkatan kapasiti pengendalian penumpang dari 1.5 juta penumpang setahun (*million passengers per annum - mppa*) kepada 3.0 mppa. Fasa Interim ini dijangka mula beroperasi pada pertengahan tahun 2024.

4. Pembangunan Fasa Pertama akan melibatkan pembinaan bangunan airside terminal yang baru dan berupaya mengendalikan pergerakan penumpang dengan kapasiti 5 mppa. Fasa Pertama dijangka akan bermula beroperasi pada tahun 2028. Fasa Kedua yang merupakan fasa terakhir yang akan meningkatkan kapasiti maksimum pengendalian penumpang di LTSAAS kepada 8 mppa menjelang tahun 2031.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI  
MOHD YUSOFF RANTAU PANJANG**

**TARIKH : RANTAU PANJANG**

**SOALAN**

**YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini Anjung Sinar sebagai transit kepada alumni institusi Kanak-Kanak JKM yang sebatang kara dan berapa jumlah kanak-kanak yang berstatus Al-Laquit bawah jagaan JKM yang terkini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dalam memastikan kebajikan dan keperluan lepasan institusi kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terpelihara.
2. Pada tahun ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah melaksanakan projek rintis Anjung Sinar bagi pemerksaan dan kesejahteraan kanak-kanak lepasan institusi JKM melalui penyediaan peluang pendidikan tinggi, peluang pekerjaan dan keperluan lain.
3. Program pertama bagi projek rintis ini iaitu Program Transisi *Boot Camp* telah diadakan pada 8 hingga 10 Ogos 2023 melibatkan seramai 43 orang peserta yang terdiri daripada penghuni dan lepasan institusi kanak-kanak JKM sebagai kumpulan pertama yang mengikuti program ini.
4. Program Transisi ini adalah bertujuan untuk membentuk jati diri peserta dan meningkatkan keyakinan mereka agar bersedia untuk hidup berdikari serta memberi peluang kepada KPWKM mendapatkan maklumat dan input bagi penyediaan profil peserta dan tujuan perancangan intervensi. Program ini turut disertai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi bimbingan dan peluang pendidikan serta laluan kerjaya kepada peserta.
5. Selain pelaksanaan program di Anjung Sinar, KPWKM pada masa yang terdekat ini berhasrat untuk memuktamadkan perancangan untuk menyediakan penginapan transit khusus kepada lepasan institusi kanak-kanak JKM yang tiada keluarga (sebatang kara), keluarga kurang berkemampuan dan tidak mempunyai tempat tinggal dalam tempoh tertentu sehingga mereka boleh berdikari.

**SOALAN NO. : 34**

6. Sementara itu, bagi kes anak-anak terdampar yang dijumpai dan telah disahkan tidak mempunyai waris, mereka merupakan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan seperti mana di Perenggan 17(1)(e) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] iaitu:

- (i) tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga; atau
- (ii) telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya

7. Sejak tahun 2020 hingga Ogos 2023, JKM telah mengendalikan sebanyak 703 kes kanak-kanak di bawah kategori ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perkembangan terkini program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) yang diselaraskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Parlimen (MPUKP) yang menawarkan harga yang jauh lebih murah daripada harga pasaran dan bagaimana pula prestasi dan peranan yang dimainkan oleh Coop Mart.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) pada tahun 2022 yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) adalah melibatkan sebanyak 157 Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri Selangor, Pahang dan Perak. Program ini telah diselaraskan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan TEKUN Nasional dengan kerjasama Majlis Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Parlimen (MPUKP). Ia telah selesai sepenuhnya dilaksanakan pada Disember 2022 dengan memberi manfaat kepada 774,260 orang dan melibatkan jumlah jualan sebanyak RM38.7 juta.

2. Pada tahun 2023, bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan barangan keperluan harian dengan kadar penjimatan sehingga 20 peratus, KUSKOP melalui SKM telah melaksanakan Program Jualan MADANI Koperasi (JMK) dan Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU). Sehingga 27 September 2023, SKM telah memperuntukkan subsidi atau insentif harga sebanyak RM1.3 juta bagi melaksanakan sebanyak 58 program JMK dan JMKU yang telah memberi manfaat kepada 103,869 orang dengan jumlah jualan sebanyak RM5.19 juta. Program jualan yang dilaksanakan di bawah JMK dan JMKU ini telah dikendalikan oleh koperasi yang menjalankan aktiviti pemborongan dan peruncitan melalui premis Coop Mart atau penganjuran program secara langsung di tapak jualan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AZLI BIN YUSOF [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kemajuan pelaksanaan terkini pembinaan sekolah-sekolah berikut dan berapa perbelanjaan yang dibelanjakan untuk tahun ini dan peruntukan untuk tahun 2024, 2025 dan seterusnya sehingga pembinaan ini selesai bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Denai Alam dan Sekolah Rendah Setia Alam 2.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah di seluruh negara

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 4 projek pembinaan sekolah baharu di Negeri Selangor telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 3* (RP3) tahun 2023. Khusus di Parlimen Shah Alam, projek pembinaan sekolah baharu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Denai Alam diluluskan oleh agensi pusat dan akan dilaksanakan secara kaedah reka dan bina oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia. Makmal Pengurusan Nilai dijangka akan diadakan pada Januari 2024 dan projek ini akan diiklankan pada 29 Mac 2024. Manakala projek pembinaan sekolah baharu Sekolah Kebangsaan (SK) Setia Alam 2 akan dilaksanakan secara konvensional perunding oleh JKR Malaysia. Makmal Pengurusan Nilai dijangka akan diadakan pada November 2023 dan projek ini akan diiklankan pada 11 Jun 2024. Peruntukan yang disalurkan pada tahun ini adalah untuk keperluan kerja awalan dan KPM akan memastikan peruntukan yang disediakan adalah mencukupi setiap tahun sehingga projek tersebut selesai disiapkan.

Sekian, terima kasih.

RJM120

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha terkini dan bersepadu Kerajaan mengatasi masalah banjir warga asing yang berniaga kedai runcit, kedai makan dan di pasar-pasar sehingga menghalang penduduk tempatan untuk berniaga.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan dan keberadaan warga asing di Malaysia adalah tertakluk kepada dasar, peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa. Hal ini termasuklah keperluan untuk memiliki dokumen perjalanan yang sah, mematuhi tempoh keberadaan yang dibenarkan serta pematuhan kepada syarat-syarat pas yang dikeluarkan.

Pekerja asing di Malaysia hanya dibenarkan bekerja di sektor penggajian yang ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM). Dasar penggajian pekerja asing menetapkan supaya semua pekerja asing yang bekerja di Malaysia untuk mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah selaras dengan Peraturan 11, Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Dalam hubungan ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam memastikan syarat-syarat PLKS dipatuhi selaras dengan peraturan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Isu warga asing yang menjalankan perniagaan di kawasan tumpuan awam seperti di pasar-pasar awam atau gerai-gerai sentiasa dipantau oleh pihak Kerajaan melalui kerjasama strategik antara KDN, JIM, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa. Selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja di bawah PBT, kelulusan sewaan tapak pasar awam dan pengeluaran lesen hanya diberikan kepada warganegara Malaysia sahaja dan warga asing yang bekerja dengan penyewa tapak pasar malam tersebut mestilah mempunyai pas kerja yang sah. Bagi penyewa tapak pasar yang menyewakan tapak kepada warga asing, PBT tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas dengan menarik semula sewaan tapak serta lesen perniagaan dibatalkan.

Sebagai usaha pembanterasan pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini, KDN melalui JIM sentiasa melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu dengan pihak PBT. Antara operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan ialah Ops Belanja dan Ops Jaja

## SOALAN NO: 37

bagi mengatasi isu permasalahan warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen yang sah. Ops Belanja menyasarkan premis-premis antaranya seperti pasar mini atau pasar raya, kedai runcit dan kedai perabot.

Bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 22 September 2023, seramai 3,159 PATI telah ditangkap atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] melalui pelaksanaan Ops Belanja. Antara kesalahan-kesalahan yang direkodkan adalah tiada dokumen perjalanan yang sah, tinggal lebih masa, salah guna pas dan melindungi PATI. Bagi tempoh yang sama, 585 PATI telah ditangkap semasa Ops Jaja yang menumpukan kawasan-kawasan seperti pasar malam, pasar tani, pasar borong dan gerai-gerai jalanan.

Selain daripada tindakan penguatkuasaan, JIM turut mengambil langkah tambahan bagi memastikan warga asing tidak menyalahgunakan pas imigresen untuk kepentingan peribadi seperti berkahwin dengan warganegara Malaysia yang dikategorikan sebagai *marriage of convenient*, iaitu:

- (i) melaksanakan pemantauan dan semakan melalui naziran;
- (ii) mengadakan temu duga dengan pasangan yang berkenaan; dan
- (iii) mengenakan wang cagaran kepada penaja.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN CHA KEE CHIN [RASA]**

**TARIKH** : **29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [RASA]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian boleh membantu mereka yang terjejas selepas penggulungan Syarikat CELLSAFE International Sdn Bhd dengan perintah Mahkamah. Apakah status terkini *cord blood stem cell* yang telah disimpan di syarikat ini dan bagaimana untuk menyelamatkan *cord blood stem cell* ini daripada kerosakan selepas penggulungan syarikat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil berat terhadap keselamatan, kualiti jagaan dan kelangsungan perkhidmatan terutamanya bagi bank darah swasta yang berlesen bawah Akta 586.
2. Merujuk kepada premis spesifik yang dimaksudkan, Kementerian telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan pihak *liquidator* yang telah dilantik oleh pihak mahkamah bagi kes tersebut.
3. Pihak *liquidator* yang dilantik tersebut telah mengenalpasti pengendali perkhidmatan baharu yang berminat dan berkemampuan untuk meneruskan perkhidmatan bank darah swasta tersebut.
4. Pihak *liquidator* tersebut juga telah menunjukkan komitmen dan *technical know-how* dalam memastikan kualiti perkhidmatan di bank darah swasta tersebut dapat dikekalkan dalam tempoh proses pemindahan hak milik lesen dijalankan.
5. Kementerian juga sedang memudahcara proses pindah hak milik lesen bank darah swasta tersebut, selaras dengan keperluan Akta 586 dan Peraturan-Peraturannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK  
[KUALA NERUS]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta MENTERI  
KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) data dan statistik terkini pesakit diabetes mengikut negeri; dan
- (b) sejauh mana keberkesanan langkah pencegahan yang telah dilaksanakan KKM bagi mengurangkan jumlah pesakit diabetes di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019, menunjukkan 18.3% (3,899,940 orang) dewasa berusia 18 tahun ke atas menghidap diabetes. Berdasarkan tinjauan yang sama, sebanyak sembilan (9) negeri mencatatkan peratusan yang lebih tinggi berbanding dengan peratusan keseluruhan. Negeri Sembilan merupakan negeri dengan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 33.2% manakala WP Labuan merupakan negeri dengan peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 9.8%.

| <b>Negeri</b>   | <b>Prevalens (%)</b> | <b>Jumlah Pesakit</b> |
|-----------------|----------------------|-----------------------|
| Negeri Sembilan | 33.2                 | 234,203               |
| Perlis          | 32.6                 | 52,184                |
| Pahang          | 25.7                 | 262,249               |
| Kedah           | 24.9                 | 319,229               |
| WP Putrajaya    | 22.9                 | 13,095                |
| Terengganu      | 20.5                 | 152,036               |
| Johor           | 19.7                 | 477,575               |
| Kelantan        | 19.5                 | 219,012               |
| Pulau Pinang    | 18.2                 | 228,349               |
| Selangor        | 18.0                 | 824,168               |
| WP KL           | 18.0                 | 233,230               |
| Perak           | 17.6                 | 272,611               |
| Melaka          | 16.9                 | 101,214               |
| Sarawak         | 13.1                 | 242,395               |
| WP Labuan       | 12.6                 | 7,992                 |

| Negeri | Prevalens (%) | Jumlah Pesakit |
|--------|---------------|----------------|
| Sabah  | 9.8           | 252,422        |

2. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan aktiviti pencegahan seperti berikut :

- (a) **Memperkasa implementasi pelan komprehensif yang dinamakan Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit NCD 2016-2025**
- (b) **melaksanakan Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)**

Program Kospen telah dilaksanakan semenjak 2013 dan sehingga kini terdapat 872 lokaliti KOSPEN di seluruh Malaysia dengan jumlah sukarelawan seramai 6,567 orang di seluruh Malaysia.

- (c) **Melaksanakan aktiviti advokasi**

Advokasi dilaksanakan melalui pelbagai medium dan dilakukan secara berterusan di peringkat komuniti.

- (d) **memperkukuhkan aktiviti saringan kesihatan**

Aktiviti saringan bertujuan bagi mengesan awal penyakit termasuk pengesanan faktor risiko berkaitannya seperti berat badan berlebihan atau obesiti agar dapat diberikan intervensi bersasar. Pengesanan awal ini membolehkan pengesanan penyakit dan rawatan diberikan pada waktu yang tepat dan cepat bagi mengurangkan atau melengahkan komplikasi penyakit. Aktiviti ini dilaksanakan di bawah program khusus yang dinamakan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan atau *National Health Screening Initiatives* (NHSI). Saringan ini dijalankan di bawah beberapa program utama terutamanya

saringan kesihatan di klinik kesihatan, KOSPEN, aktiviti saringan *touch point* melalui program Madani Afiat dan aktiviti saringan PeKa B40.

**(e) Pelaksanaan aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)**

Pelaksanaan ANMS adalah selama 10 tahun (2020 hingga 2030) yang meliputi 4 fasa pelaksanaan yang mempunyai 4 teras, 10 strategi dan 24 inisiatif dalam aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan.

Empat teras di bawah ANMS iaitu Pembudayaan Hidup Sihat, Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan, Kawalan Kesihatan Kendiri, dan Kebersihan Persekitaran yang menggunakan pendekatan menyeluruh secara *Whole of Nation* bagi menjamin kesejahteraan kesihatan masyarakat dengan pendekatan *setting* yang merangkumi :

- (i) Institusi pendidikan;
- (ii) Tempat kerja;
- (iii) Komuniti; dan
- (iv) Fasiliti kesihatan.

**(f) Pengenaan duti eksais terhadap minuman bergula *ready to drink* (RTD)**

Cukai duti eksais kepada minuman bergula (Sugar Sweetened Beverages) telah dimulakan sejak 2019 pada kadar 40 sen seliter. Seperti pengumuman YAB Perdana Menteri melalui Ucapan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober yang lalu, kerajaan akan menaikkan kadar tersebut kepada 50 sen seliter.

Seperti pengumuman YAB Perdana Menteri, hasil duti eksais ini akan disalurkan semula kepada KKM bagi tujuan menangani dan merawat penyakit kencing manis termasuk

sokongan kepada pusat dialisis.

3. Semenjak NHSI dilaksanakan seramai 62,346 (10.6%) individu yang belum didiagnos mempunyai diabetes dikesan mempunyai paras gula yang tinggi dalam darah (bacaan gula melebihi 7.8 mmol/L). Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) pula telah berjaya mengesan 4330 (17.1%) individu yang mempunyai paras glukosa yang tinggi pada tahun 2023.

4. Saringan NHSI 2023 juga telah berjaya mengesan seramai 283,100 (31.3%) individu berlebihan berat badan ( $BMI \geq 25 \text{ kg/m}^2$ ) dan 199,400 (22.2%) individu obese ( $BMI \geq 30 \text{ kg/m}^2$ ). Saringan KOSPEN 2013 pula telah mengesan seramai 2314 (9.1%) individu dengan BMI melebihi ( $BMI \geq 25 \text{ kg/m}^2$ ).

5. Kesemua individu yang dikesan mempunyai faktor risiko seperti paras gula yang tinggi dalam darah, berlebihan berat badan dan obesiti telah dirujuk ke klinik kesihatan atau hospital bagi tujuan pengesanan penyakit. Rujukan untuk tujuan intervensi turut dilakukan seperti ke program intervensi KOSPEN yang dijalankan oleh sukarelawan-sukarelawan KOSPEN sedia ada seperti program intervensi pengurusan berat badan, program intervensi amalan pemakanan sihat dan program intervensi aktiviti fizikal. Selain itu, rujukan ke *Wellness Hub* juga boleh dilakukan dimana *Wellness Hub* merupakan satu infrastruktur yang menyediakan perkhidmatan promosi kesihatan (*One Stop Community Centre*) kepada komuniti setempat sebagai satu strategi dalam menggalakkan komuniti mengamalkan cara hidup sihat bagi mencapai kesejahteraan hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan yang sedang berada di dalam penjara di seluruh Malaysia dan berapa peratus daripada jumlah ini merupakan tahanan yang didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya atau mempunyai kesalahan berkaitan dadah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 40 buah institusi penjara di seluruh Malaysia. Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia, sehingga 03 Oktober 2023, seramai 75,783 orang banduan sedang berada di dalam penjara yang melibatkan pelbagai kategori kesalahan. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai 53,131 (70.11%) banduan adalah terdiri daripada berkaitan kesalahan dadah yang ditempatkan di seluruh institusi penjara. Jenis kesalahan adalah di bawah Seksyen 12 Akta Dadah Berbahaya (ADB), Seksyen 15 ADB, Seksyen 39(c) ADB, Seksyen 39(B) ADB, Seksyen 39(A) ADB dan lain yang berkaitan ADB dan Akta Penagihan Dadah (APD).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN LO SU FUI [TAWAU]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah penerima Skim Perubatan Madani di negeri Sabah setakat ini berbanding negeri lain dan jaminan Kementerian agar skim ini disalurkan secara cepat, adil dan bilakah fasa kedua dilaksanakan kepada Tawau dan wilayah Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 28 November 2023, sebanyak 108 klinik swasta telah berdaftar di bawah Skim Perubatan MADANI di negeri Sabah dan aktif memberikan perkhidmatan rawatan sakit-sakit ringan. Sejak mula diperkenalkan pada 15 Jun 2023, data menunjukkan sebanyak 40,217 lawatan dilakukan oleh penerima manfaat melibatkan sebanyak 24,238 isi rumah bagi negeri Sabah.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Perubatan MADANI ini telah diperluas ke seluruh negara bermula 15 September 2023 termasuk ke Wilayah Sabah.

3. Bagi kawasan Tawau sahaja, terdapat 10 klinik swasta yang berdaftar dan aktif di bawah skim ini iaitu:

- (a) Kelinik Au Yong
- (b) Poliklinik Sejati Merotai
- (c) Klinik AK & Surgeri
- (d) Klinik Lo
- (e) Chong Clinic
- (f) Putramed Clinics
- (g) Klinik S. K. Lo Sdn. Bhd.
- (h) Klinik Famili Jalan Paya
- (i) Klinik Famili
- (j) Klinik Famili Jalan Utara

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tawau, sehingga 28 November 2023, sebanyak 625 lawatan yang telah dilakukan untuk mendapatkan rawatan daripada klinik-klinik swasta tersebut dengan jumlah tuntutan sebanyak RM 40,299.60.

5. Langkah untuk mendapatkan rawatan di bawah Skim Perubatan MADANI adalah sangat mudah dan cepat. Penerima yang layak hanya perlu membawa kad pengenalan ke klinik-klinik swasta terdekat bagi

## **NO. SOALAN : 41**

tujuan pengesahan dan tiada pra-pendaftaran diperlukan. Semakan kelayakan dan carian klinik swasta boleh didapati melalui laman sesawang ProtectHealth, aplikasi 'Skim Perubatan MADANI' dan MySejahtera. Aplikasi 'Skim Perubatan MADANI' ini boleh dimuat turun secara percuma menerusi Google Play Store dan App Store.

6. KKM melalui ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. sedang giat menjalankan gerak kerja untuk meningkatkan penglibatan klinik-klinik swasta berhampiran ke dalam Skim ini bagi menyediakan akses kepada rawatan sakit-sakit ringan kepada golongan berpendapatan rendah yang layak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN  
ABDULLAH [PAYA BESAR]**  
**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah individu terutamanya warga emas yang telah menghentikan polisi perlindungan insurans disebabkan oleh bayaran premium yang semakin meningkat seiring dengan pertambahan usia dan apakah langkah strategik pihak Kementerian dari aspek perlindungan insurans warga emas memandangkan Malaysia sedang berdepan dengan cabaran negara menua.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mengumpul maklumat berkaitan jumlah polisi perlindungan insurans/takaful yang telah luput atau dihentikan, termasuk yang berdasarkan kumpulan umur. Namun demikian, BNM mengambil berat tentang kemampuan bayaran premium insurans/sumbangan takaful serta kesinambungan perlindungan oleh semua segmen pengguna kewangan termasuk warga emas. Oleh itu, untuk pemegang polisi insurans/peserta takaful yang menghadapi kekangan aliran tunai disebabkan oleh peningkatan premium insurans atau sumbangan takaful, terdapat langkah-langkah yang boleh diambil seperti:

- i. Menghubungi ejen insurans atau takaful, atau syarikat insurans dan pengendali takaful untuk tujuan penstrukturan semula polisi insurans/sijil takaful; dan
- ii. Beralih kepada pelan atau produk yang lebih murah berdasarkan kemampuan semasa pemegang polisi/peserta takaful.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa skim kesihatan yang bertujuan untuk membantu rakyat, termasuk golongan warga emas, khususnya yang berpendapatan rendah. Antara skim-skim kesihatan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Skim Peka B40 yang menawarkan manfaat saringan kesihatan, bantuan alat perubatan, insentif rawatan kanser dan insentif tambang pengangkutan bagi golongan berpendapatan rendah berumur 40 tahun ke atas; dan
- ii. Skim perlindungan mySalam yang menawarkan perlindungan kesihatan secara percuma bagi 45 jenis penyakit kritikal serta pembayaran tunai hospitalisasi (*hospital income*) sehingga 14 hari

Selain itu, terdapat juga produk insurans dan takaful yang ditawarkan oleh penanggung insurans dan pengendali takaful untuk

perlindungan nyawa dan keilangan (*life and total and permanent disability cover*) sehingga umur 100 tahun, serta perlindungan perubatan dan kesihatan (*medical and health cover*) sehingga umur 80 atau 90 tahun berdasarkan terma dan syarat produk serta keputusan pengunderaitan penanggung insurans dan pengendali takaful masing-masing.

Perlindungan insurans dan takaful adalah berdasarkan konsep pengumpulan risiko (*risk pooling*) di mana keseluruhan premium insurans atau sumbangan takaful yang diterima akan digunakan untuk saling membiayai sebahagian peserta insurans atau takaful yang memerlukan rawatan. Sehubungan itu, sebuah skim insurans atau takaful memerlukan penyertaan dari pelbagai lapisan umur dan tahap risiko untuk memastikan keberkesanan konsep *risk pooling* dan kemampuan dana insurans atau takaful tersebut

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]  
TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [ PUCHONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penggulungan Syarikat TH Heavy Engineering yang dimiliki oleh Kementerian. Berapa cukai rakyat yang terbabit dalam sejarah syarikat ini dari permulaan, pengoperasian ke penggulungan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selaras dengan kelulusan Jemaah Menteri pada 7 Disember 2018 dan 5 April 2019 berhubung Pelan Penstrukturan Dan Pemulihan Lembaga Tabung Haji (TH), Urusharta Jemaah Sdn Bhd (UJSB), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) ditubuhkan bagi menerima aset-aset TH yang tidak berdaya saing yang dipindahkan dengan nilai buku (*book value*) sebanyak RM19.9 bilion berbanding nilai pasaran (*market value*) hanya sekitar RM9.7 bilion.

TH Heavy Engineering Berhad (“THHE”) merupakan salah satu aset yang tidak berdaya maju tersebut yang dipindahkan kepada UJSB sebagai sebahagian daripada Pelan Pemulihan dan Penstrukturan Lembaga Tabung Haji.

Sebagai makluman, ketika diambil alih oleh UJSB pada tahun 2018, Syarikat THHE sudah pun diklasifikasikan sebagai sebuah syarikat awam berstatus Nota Amalan 17 atau *Practice Note 17* semenjak April 2017. Sebagai sebuah syarikat berstatus Nota Amalan 17 ini, Syarikat THHE

dikenalpasti sebagai sebuah syarikat yang menghadapi pelbagai masalah dan perlu dilaksanakan transformasi perubahan.

Syarikat ini dibelenggu oleh pelbagai kepingangan termasuk isu-isu kewangan dan aliran tunai yang berpanjangan (dengan mencatat kerugian semenjak tahun 2016), isu berkenaan pemiutang, isu berkaitan kegagalan melaksanakan projek yang dianugerahkan serta isu-isu legasi perundangan yang dihadapi sebelum diambil alih oleh UJSB.

Selaras dengan prinsip Kerajaan MADANI yang menekankan aspek kemampanan dan kesejahteraan melalui Reformasi substantif ke arah Malaysia yang lebih maju dan makmur, Kerajaan bersama UJSB telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan nilai aset-aset TH yang dipindahkan termasuk Syarikat THHE. Ini adalah penting bukan sahaja bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap komitmen dan keupayaan Kerajaan dalam memelihara aset rakyat tetapi juga sebagai menjaga kebajikan para pekerja dan pihak berkepentingan lain (*stakeholder*) berkait dengan syarikat ini.

Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan UJSB bagi memastikan kelangsungan syarikat THHE ini antara lain termasuk, membantu menyusun atur Pelan Regularisasi untuk menyelesaikan status Nota Amalan 17, pemurnian Skim Penstrukturan Pemiutang (*Scheme of Arrangement*), sokongan bagi membantu aliran tunai, usahama dengan pelbagai syarikat bagi menambahkan nilai buku THHE dan pelbagai lagi inisiatif pemulihan.

Inisiatif-inisiatif ini juga dilaksanakan demi mempertahankan segenap aspek setelah meneliti potensi serta kesan terhadap kakitangan serta pembekal-pembekal yang terlibat dengan THHE yang mana majoritinya adalah warga tempatan Malaysia.

Di sebalik kesemua usaha-usaha yang dizahirkan untuk mengembalikan THHE ke landasan pemulihan, pada 5 September 2022, THHE telah dinyahsenaraikan daripada pasaran ekuiti Bursa Malaysia dan sekaligus tidak lagi mempunyai nilai pemulihan atau *recovery value*.

Walaupun Kerajaan dan UJSB sudah berusaha memulihkan Syarikat THHE, setelah memperinci serta memperhalusi segenap aspek termasuk peningkatan liabiliti kewangan, kemudaran daripada litigasi yang berpanjangan berbangkit dari isu-isu legasi yang menyusutkan lagi nilai buku THHE, langkah terbaik yang dikenalpasti adalah dengan melaksanakan penggulungan THHE bagi mengelakkan beban kewangan yang berpanjangan yang bukan sahaja mendatangkan kerugian tambahan terhadap UJSB malah MKD dan seterusnya menyukarkan tumpuan diberikan bagi memulihkan aset TH yang lain.

Tambahan pula, isu-isu perundangan serta penghakiman terhadap THHE telah mendatangkan impak kewangan yang amat besar kepada syarikat tersebut. Proses penggulungan ini telah dimulakan pada awal September 2023, dan masih dalam proses pelaksanaan.

Proses likuidasi ketika ini melibatkan pelikuidasi sementara (*Interim Liquidator*) yang telah dilantik oleh pihak syarikat. Proses penggulungan yang dilaksanakan ini akan mengambil masa dan ianya perlu dilaksanakan dengan teliti dan terperinci demi memelihara kepentingan para pekerja, Kerajaan serta pemiutang (*creditors*) tanpa menjejaskan kredibiliti syarikat UJSB dalam melaksanakan mandat yang diamanahkan kepadanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LO SU FUI [ TAWAU ]**  
**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LO SU FUI [ TAWAU ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah usaha untuk memperluaskan program subsidi tiket penerbangan kepada pelajar universiti swasta berasal daripada Sabah dan Sarawak yang belajar di Semenanjung Malaysia dan luar Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 12 Julai 2023 antara lain telah bersetuju dengan pelaksanaan inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Inisiatif ini telah dilaksanakan mulai 15 Ogos 2023 melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

2. Sebagai makluman, setakat 1 Oktober 2023, daripada keseluruhan 49,637 pelajar yang layak, sebanyak 28,906 pelajar (58.2%) telah mengemukakan permohonan baucar digital melalui syarikat-syarikat penerbangan.

3. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan juga telah memperluaskan pelaksanaan inisiatif ini kepada pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai 5 Oktober 2023. Sebanyak 7,904 pelajar institusi pendidikan tersebut dijangka akan turut mendapat manfaat daripada pelaksanaan inisiatif ini.

4. Walau bagaimanapun, perluasan pelaksanaan inisiatif ini kepada pelajar universiti swasta hanya akan dapat dipertimbangkan tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) bilangan kes salah laku yang dirujuk kepada Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard Bukit Aman (JIPS); dan
- (b) pecahan langkah-langkah disiplin yang diambil oleh JIPS sejak penubuhannya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Bagi tempoh Januari 2019 hingga September 2023 sebanyak 9,798 Kertas Siasatan Tatatertib (KST) telah dibuka dan disiasat oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman terhadap warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas pelbagai kes salah laku.

Kawalan tatatertib adalah elemen penting bagi membentuk sikap yang positif dan mencegah berlakunya salah laku. Tindakan tegas (punitif) ataupun korektif terhadap seseorang pegawai Pasukan Polis dilaksanakan oleh PDRM bagi memastikan pelanggaran salah laku integriti dan disiplin tidak berulang serta sebagai peringatan kepada pegawai Pasukan Polis yang lain. Ianya sebagai suatu langkah pencegahan supaya warga PDRM sentiasa membudayakan etika berkhidmat dengan berintegriti sepanjang waktu.

Tuan Yang Di Pertua,

PDRM sentiasa konsisten dan tidak berkompromi dengan mana-mana Pegawai Pasukan Polis yang melakukan salah laku dalam jabatan. Ini terbukti melalui tindakan yang tegas oleh PDRM melalui JIPS sebagai entiti yang bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman dan *oversight*. Tindakan punitif diambil sebagai salah satu usaha membendung isu integriti di dalam PDRM termasuklah hukuman yang paling keras iaitu sehingga melibatkan perlucutan jawatan ataupun buang kerja. Statistik tindakan punitif bagi tempoh 2019 hingga 30 September 2023, seramai 6,961 pegawai polis beruniform telah dijatuhkan hukuman tatatertib. Hingga tempoh berakhir 30 September 2023, seramai 604 orang pegawai polis telah ditahan kerja, manakala seramai 169 orang digantung kerja. Ketegasan ini adalah penting demi menjaga integriti dan imej pasukan PDRM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB [ TENGGARA ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MANNDZRI BIN NASIB [ TENGGARA ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah langkah yang diambil untuk memastikan penyelenggaraan sekolah-sekolah dapat dijalankan lebih sistematik serta adakah Kementerian berhasrat bagi menyediakan suatu peruntukan khusus untuk memastikan proses penyelenggaraan berjalan dengan lebih baik; dan
- (b) berapa peruntukan penyelenggaraan sekolah-sekolah yang telah dan akan diturunkan ke Kawasan Parlimen Tenggara dari 2022, 2023 dan 2024 serta adakah terdapat perancangan Kementerian bagi membina dewan terbuka di sekolah dalam Parlimen Tenggara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan penyelenggaraan sekolah dilaksanakan dengan cekap dan teratur, pada setiap akhir tahun, KPM telah mengarahkan pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN) mengemukakan permohonan peruntukan penyelenggaraan yang diperlukan oleh sekolah-sekolah pada tahun berikutnya untuk pertimbangan dan kelulusan KPM. Permohonan peruntukan penyelenggaraan ini adalah berdasarkan susunan keutamaan yang telah disyorkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan JPN setelah melalui semakan teknikal.

KPM seterusnya akan menyalurkan peruntukan penyelenggaraan ke sekolah-sekolah melalui JPN berdasarkan peruntukan penyelenggaraan yang telah diluluskan dalam Belanjawan Tahunan. Kerja-kerja penyelenggaraan sekolah yang diluluskan juga akan dipantau melalui Mesyuarat Pemantauan Prestasi Kerja dan Perbelanjaan Peruntukan Penyelenggaraan Institusi KPM di bawah Peruntukan Pembangunan setiap 2 bulan sekali bersama-sama agensi pelaksana projek. Ini adalah memastikan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang dirancang dan peruntukan yang disalurkan dibelanjakan mengikut perancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kawasan Parlimen Tenggara, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan sekolah sebanyak RM954,000 pada tahun 2022 dan sebanyak RM3.23 juta pada tahun 2023. Manakala, bagi tahun 2024, peruntukan penyelenggaraan akan disalurkan berdasarkan peruntukan penyelenggaraan institusi pendidikan bawah KPM yang akan diluluskan dalam Belanjawan Tahun 2024. KPM akan menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah dengan adil dan sewajarnya.

## SOALAN NO : 46

Berhubung cadangan pembinaan dewan terbuka di sekolah-sekolah dalam Parlimen Tenggara, KPM melalui JPN Johor sedang meneliti keperluan kebolehlaksanaan pembinaan dewan sekolah di kawasan tersebut terutama dalam aspek keperluan sebenar, enrolmen murid, bilangan bilik darjah sekolah, lebihan baki tanah yang berpotensi bagi pembinaan dewan terbuka serta status hakmilik tanah.

Bagi sekolah yang layak, KPM akan mengemukakan cadangan projek pembinaan dewan terbuka tersebut untuk pertimbangan agensi pusat, tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

RJM122

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN LIMABELAS, 2023**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ  
[ SEGAMAT ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [ SEGAMAT ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaan visa jangka panjang buat individu bukan warganegara yang mempunyai talian kekeluargaan dengan warganegara tempatan bagi memudahkan urusan pergerakan dan keberadaan mereka terutamanya dalam situasi kecemasan yang melibatkan ahli keluarga mereka yang berada di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Behormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah menyediakan kemudahan imigresen melibatkan Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang kepada lima (5) golongan yang mempunyai pertalian kekeluargaan dengan warganegara Malaysia iaitu:

- i. suami asing kepada warganegara;
- ii. isteri asing kepada waganegara yang teraniaya;
- iii. janda asing kepada warganegara;
- iv. balu asing kepada warganegara; dan
- v. anak/ anak tiri kepada warganegara

Dasar dan peraturan semasa yang digunapakai oleh Jabatan Imigresen Malaysia menetapkan setiap individu perlu memohon kemudahan keimigresen sebelum ianya dipertimbangkan untuk kelulusan. Justeru, individu bukan warganegara yang tidak berkenaan, boleh mengemukakan permohonan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk dipertimbangkan termasuk yang melibatkan situasi kecemasan dan mendesak.

Selain itu, Jabatan Imigresen Malaysia turut menyediakan kemudahan Pas Residen yang memberikan kelulusan sehingga lima (5) tahun dan boleh dilanjutkan. Mana-mana warganegara asing yang mempunyai ikatan kekeluargaan dengan warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap Malaysia adalah layak untuk memohon kemudahan Pas Residen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pengambilan pelajar oleh Institut Pendidikan Guru (IPG) di setiap negeri. Senaraikan jumlah pensyarah yang mengajar subjek Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di setiap IPG dan kapasiti pengambilan pelajar oleh IPG berkenaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

KPM mengambil maklum bahawa pengambilan guru pelatih di IPG KPM berdasarkan kepada unjuran keperluan guru dan agihan ke IPG Kampus adalah mengikut kebitaraan bidang di IPG Kampus masing-masing.

Jumlah keseluruhan guru pelatih bagi 27 IPG kampus adalah seramai 24,957 orang. Bilangan keseluruhan pensyarah yang mengajar bidang Bahasa Cina dan Bahasa Tamil pula adalah seramai 70 orang. Manakala jumlah guru pelatih Bahasa Cina dan Bahasa Tamil adalah seramai 373 orang. Ini menunjukkan nisbah pensyarah dan guru pelatih adalah 1:5.

KPM komited untuk terus memastikan keperluan guru di seluruh negara dipenuhi bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**RJM123**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN PM 22(5)**

**DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [ BANGI ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023**

**SOALAN**

**TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [ BANGI ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai lokasi tapak rizab sekolah rendah dan menengah mengikut aliran serta butiran seperti keluasan dan nombor lot di kawasan Parlimen Bangi, dan SOP dan asas pertimbangan untuk meluluskan pembinaan sekolah baru di tempat berpenduduk tinggi misalnya di Bandar Mahkota Cheras.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara, termasuk di kawasan Bangi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan KPM melalui dokumen Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang, terdapat 14 tapak rizab pendidikan di Parlimen Bangi. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) tapak bagi pembangunan sekolah rendah dan tujuh (7) tapak lagi bagi pembangunan sekolah menengah.

Semakan KPM jua mendapati bahawa daripada 14 tapak rizab pendidikan tersebut, tiga (3) tapak telah berstatus Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dan satu tapak lagi telah diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN). Dua (2) daripada tapak tersebut telah diluluskan projek pembangunan dan berada pada fasa pembinaan iaitu SK Taman Sutera dan SMK Bandar Bukit Mahkota.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepadatan murid di sekolah-sekolah KPM terutama dalam kawasan Parlimen Bangi adalah dalam perhatian KPM. Sehubungan itu, antara usaha yang diambil oleh pihak KPM bagi mengatasi masalah tersebut adalah melalui penambahan bilik darjah di sekolah sedia ada berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak, atau pembinaan sekolah baharu.

Dalam konteks pembinaan sekolah baharu, KPM sentiasa mendapat input dan cadangan daripada jabatan pendidikan negeri (JPN). Seterusnya, KPM akan melaksanakan analisis keperluan pembinaan sekolah baharu secara terperinci. Antara perkara yang diambil kira adalah bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan penduduk (*catchment area*) serta perancangan pembangunan kawasan tersebut berdasarkan perbincangan bersama-sama pihak berkuasa tempatan (PBT).

## **SOALAN NO : 49**

Berdasarkan analisis data KPM terdapat keperluan untuk pembinaan sekolah baharu di kawasan Bandar Mahkota Cheras. Justeru itu, KPM merancang untuk mengemukakan permohonan pembinaan sekolah baharu SK Bandar Mahkota Cheras untuk pertimbangan agensi pusat dalam Rancangan Malaysia Ke-12 Rolling Plan 5 Tahun 2025. Kelulusan dan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

KPM berharap dengan usaha yang sedang dan akan dilaksanakan, isu kesesakan murid di negeri Selangor khususnya di Parlimen Bangi dapat dikurangkan dan seterusnya murid-murid boleh belajar dengan selesa, kondusif serta memberi fokus kepada pembelajaran dengan baik.

Sekian, terima kasih.

**RJM132**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [ MIRI ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHIEW CHOON MAN [ MIRI ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar bantuan sukan kepada sekolah khususnya yuran Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) sejak tahun 1957 hingga 2023 dan pendirian Kerajaan dalam meningkatkan yuran MSSM bagi membantu pelajar Sarawak dan Sabah untuk menyertai pertandingan sukan sekolah di semua peringkat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan sukan diwujudkan bagi membiayai aktiviti sukan dan permainan murid Tahun 1 hingga Tingkatan 6 yang bersekolah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti berikut:

- i. Bantuan Sukan Sekolah (BSS);
- ii. Sukan Tahunan Sekolah; dan
- iii. Yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM).

Bantuan Sukan Sekolah (BSS), dengan kadar RM4.00 setiap murid sekolah rendah dan RM6.00 bagi setiap murid sekolah menengah telah diwujudkan mulai tahun 2011 selaras dengan Dasar 1Murid 1Sukan yang

diperkenalkan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Peruntukan BSS disalurkan ke sekolah berdasarkan enrolmen murid tahun semasa.

Bantuan Sukan Tahunan Sekolah dan Yuran MSSM pula diwujudkan mulai tahun 2012. Bantuan Sukan Tahunan Sekolah dengan kadar RM6.00 bagi seorang murid disalurkan terus ke sekolah bagi membiayai kos pengelolaan sukan tahunan sekolah.

Bagi Bantuan Yuran MSSM pula, kadar yuran adalah sebanyak RM2.00 untuk sekolah rendah dan RM4.00 untuk sekolah menengah. KPM menyalurkan bantuan yuran ini kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) berdasarkan enrolmen murid tahun semasa di negeri berkenaan. Penyaluran Yuran MSSM dibuat bagi membolehkan agihan dilaksanakan berdasarkan perancangan pelaksanaan kejohanan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Penetapan kadar Yuran MSSM ini adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021.

Walaupun bagaimanapun, KPM cakna bahawa kadar tersebut perlu diberi pertimbangan sewajarnya untuk kenaikan kadar baharu yang relevan dengan situasi semasa. KPM bersedia untuk menilai semula kadar yuran MSSM di samping meneliti kaedah terbaik bagi tujuan agihan peruntukan yuran MSSM kepada semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak bagi memastikan peluang yang sama rata diberikan kepada semua murid dan pembangunan sukan kekal relevan dengan peredaran semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L**  
**RAJAJI [ JELUTONG ]**  
**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimana Kerajaan bercadang untuk menggalakkan lebih banyak kapal pesiar untuk datang ke Pulau Pinang dan menjadikan Pulau Pinang sebagai satu pelabuhan rumah (*home port*).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Swettenham Pier Cruise Terminal siap dibina pada November 2009 dengan panjang dermaga 400 meter dan hanya mampu menampung penumpang sejumlah 8,000 orang sahaja pada satu-satu masa. Bagi menampung jumlah penumpang dan kapal kruis, SPCT telah dinaiktaraf pada tahun 2020 dan siap pada 31 Mei 2021 dengan pembesaran dermaga daripada 400 meter ke 820 meter dan berupaya menerima dua buah kapal kruis bersaiz "Oasis" untuk berlabuh pada satu-satu masa serta menampung sehingga 12,000 penumpang kruis.

2. Pada tahun 2019, sejumlah 1,164,969 penumpang dikendalikan di SPCT iaitu meningkat sebanyak 8.66% berbanding 1,072,117 penumpang pada tahun 2018. Jumlah ketibaan kapal-kapal kruis juga meningkat sebanyak 2,284 buah kapal berbanding 2,134 pada tahun 2018. Peningkatan ini adalah hasil dari promosi agresif mengenai SPCT selaku hab kruis nombor satu di Malaysia di samping pakej pelancongan yang menarik di Pulau Pinang.

3. Pada tahun 2020, industri kruis terjejas teruk apabila operasi kruis di Pelabuhan Pulau Pinang dihentikan disebabkan pandemik COVID-19. Namun pada tahun 2022, SPCT telah menyaksikan pertumbuhan positif dengan mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan dari segi pengendalian kruis iaitu sebanyak 711 kapal kruis berbanding 44 buah kapal kruis dikendalikan bagi tahun 2021 manakala pengendalian penumpang di SPCT seramai 751,853 pada tahun 2022 berbanding seramai 5,561 pada tahun yang sebelumnya. Sehingga September 2023, sebanyak 627 buah kapal kruis telah berlabuh di SPCT dengan jumlah seramai 1,158,560 penumpang. Dijangkakan sehingga akhir tahun ini, SPCT akan mengendalikan sebanyak 1.5 juta penumpang kruis.

4. SPPP dan PPSB sedang merangka pelbagai strategi dan inisiatif untuk meningkatkan jumlah panggilan kapal pesiaran dan giat mempromosikan SPCT sebagai tempat persinggahan utama pelancong-pelancong antarabangsa dan tempatan ke arah menjadikan Pulau Pinang

sebagai "*Regional Premier Cruise Terminal*". Selain itu, inisiatif lain yang sedang diusahakan ialah meningkatkan laluan kruis seperti tambahan laluan untuk segmen Penang/Phuket, Penang/Langkawi dan Penang/Bali.

5. SPPP dan PPSB telah menyediakan garis panduan yang dinamakan sebagai "*Cruise to Cruise Activities At The Port Of Penang*" untuk membantu *cruise liners*, agen perkapalan dan operator pelancongan memohon sebarang aktiviti melibatkan kruis di Pelabuhan Pulau Pinang.

6. Dalam menjadikan SPCT sebagai *homeport*, kerjasama dan komitmen daripada pelbagai Agensi Kerajaan adalah sangat diperlukan. Justeru itu, SPPP sedang menjalankan sesi libat urus dan koordinasi dengan semua pihak berkaitan serta membantu mempromosikan SPCT sebagai *homeport*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK  
JAEM [SERIAN]**

**TARIKH** : **29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Projek Pusat Kanser Sarawak (Sarawak Cancer Center) dijangka mula dibina.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Belanjawan 2024 telah menyatakan sokongan terhadap hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk membangunkan sebuah Institut Kanser di Sarawak.
2. Sehubungan itu, Kementerian ini sedang mengadakan beberapa perbincangan dan libat urus dengan Kerajaan Negeri Sarawak berhubung cadangan tersebut. KKM dan Kerajaan Negeri Sarawak juga sedang menyediakan cadangan teknikal dan kewangan bagi memohon kelulusan peruntukan bagi melaksanakan pembinaan Pusat Kanser Sarawak daripada agensi pusat seperti Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA  
[TAMPIN]  
TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)

**SOALAN**

**DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan bagi menambah bilangan perkhidmatan dan kepakaran sedia ada di Hospital Tampin, khususnya perkhidmatan pakar bersalin dalam usaha untuk mengurangkan kesesakan pesakit di Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Tampin yang berkapasiti 108 katil dengan kadar penggunaan katil sebanyak 54% pada tahun 2022 adalah salah satu hospital yang telah dikenal pasti dan sedang dinaik taraf dari hospital tanpa pakar kepada hospital berpakar minor secara berperingkat. Hospital Tampin, mempunyai perkhidmatan kepakaran dalam tiga (3) bidang iaitu bidang Pembedahan Am, Radiologi dan Patologi. Hospital ini juga dijangka akan menerima pakar dalam bidang perubatan am pada tahun hadapan.

2. Di samping itu, menerusi konsep hospital kluster, Hospital Tampin telah menerima perkhidmatan kepakaran dari Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) dalam bidang:

(a) Perubatan Am,

- (b) Obstetrik dan Ginekologi,
- (c) Pediatrik,
- (d) Oftalmologi,
- (e) Psikiatri,
- (f) Anestesiologi,
- (g) Otolaringologi dan
- (h) Perubatan Kecemasan dan Trauma.

3. Perkhidmatan secara kluster ini bukan sahaja memberikan kemudahan akses perkhidmatan kepakaran kepada penduduk setempat malahan membantu mengurangkan kesesakan di HTAN.

4. Pada masa ini Projek Blok Tambahan Hospital Tuanku Ampuan Najihah sedang di dalam fasa pembinaan dengan pertambahan katil sebanyak 140 katil dan dijangka siap pada Oktober 2024. Projek ini akan menjadikan HTAN mempunyai sebanyak 458 katil dan dapat mengurangkan kesesakan pesakit di hospital ini serta mampu untuk memperkasakan perkhidmatan dan kepakaran sedia ada di Hospital Tampin, khususnya perkhidmatan pakar sakit puan melalui inisiatif hospital kluster.

5. KKM prihatin dan akan memantau dari masa ke semasa keperluan penempatan pakar Obstetrik dan Ginekologi di hospital tersebut mengambil kira beban kerja dan kadar rujukan pesakit dari Hospital Tampin ke HTAN.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK  
BEGRI [BETONG]**

**TARIKH** : **29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah jawatan doktor perubatan dan doktor pakar terkini yang diperlukan untuk mengisi jawatan di hospital-hospital dan klinik-klinik seluruh Sarawak dan nyatakan jumlah yang telah diisi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat 31 Ogos 2023, seramai 3,645 pegawai perubatan telah ditempatkan untuk berkhidmat di Wilayah Sarawak yang merangkumi:

- (a) seramai 3,112 pegawai perubatan iaitu 1,950 pegawai perubatan lantikan tetap dan 1,162 pegawai perubatan lantikan kontrak; dan
- (b) 533 pakar perubatan yang terdiri daripada 532 pakar perubatan lantikan tetap dan seorang pakar perubatan lantikan kontrak.

2. Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan di Wilayah Sarawak seperti:

- (a) melaksanakan pengisian jawatan pegawai perubatan dan pakar perubatan yang masih kosong di fasiliti kesihatan di Wilayah Sarawak;
- (b) menempatkan seramai 787 pegawai perubatan lantikan kontrak, 375 pegawai perubatan siswazah kontrak dan seorang pakar perubatan lantikan kontrak di fasiliti kesihatan di Wilayah Sarawak; dan
- (c) menempatkan semula seramai 136 pegawai perubatan selepas tamat latihan siswazah di sepanjang tahun 2023 melalui tiga (3) urusan penempatan untuk berkhidmat di Wilayah Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA  
BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MANNDZRI BIN NASIB  
( TENGGARA )**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN MANNDZRI BIN NASIB (TENGGARA)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini secara terperinci berkaitan dengan kes penderaan kanak-kanak di Malaysia serta bagaimana tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap masalah penderaan yang semakin meningkat secara mendadak sejak akhir-akhir ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penderaan ke atas kanak-kanak dibahagikan kepada tiga (3) kategori utama iaitu penderaan fizikal, seksual dan emosi. Berdasarkan statistik tahun 2023 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Mei 2023, JKM telah mengendalikan sebanyak 1,633 kes membabitkan penderaan terhadap kanak-kanak.

2. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong berlakunya penderaan. Antaranya ialah penyalahgunaan dadah, pengaruh alkohol, masalah hubungan dalam keluarga, kesihatan mental atau emosi dan lain-lain lagi.

3. Secara amnya, kes penderaan kanak-kanak boleh terjadi ketika kanak-kanak berada dalam jagaan ahli keluarga sendiri dan ketika kanak-kanak berada dalam jagaan orang lain seperti pengasuh, sama ada di rumah, pusat jagaan mahupun TASKA.

4. Sebagai langkah untuk mengurangkan risiko penderaan kanak-kanak dan meningkatkan pengetahuan umum terhadap hak dan keselamatan kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menggariskan beberapa penambahbaikan untuk melaksanakan, antaranya, perkara-perkara berikut:

- i. Memperkemas pasukan penguatkuasaan melalui inisiatif penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak;
- ii. Memperketat peraturan dan garis panduan pemasangan CCTV di TASKA;
- iii. Memperketat proses saringan untuk pengambilan pengasuh di TASKA dan pusat jagaan;
- iv. Menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang membolehkan sebarang aduan penderaan dilaporkan pada bila-bila masa;
- v. Program kesedaran terhadap hukuman ke atas pendera kanak-kanak; dan
- vi. Memperkasakan komuniti serta kanak-kanak itu sendiri.

5. Usaha untuk mengurangkan risiko dan bilangan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak serta isu berkaitan keselamatan kanak-kanak secara amnya, adalah harus dipikul bersama oleh semua pihak. Ini termasuklah pihak Kerajaan, komuniti serta individu. Sifat ambil tahu, ambil cakna dan peka dengan keadaan dan keperluan kanak-kanak disekeliling perlu disemai dikalangan masyarakat kita agar bukan sahaja dapat memastikan kemaslahatan yang baik untuk kanak-kanak, malah turut boleh mengeratkan perpaduan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN  
[ BENTONG ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [ BENTONG ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa pembinaan ECRL di bawah tanah tidak akan menyebabkan kejadian tanah mendap seperti yang berlaku pada 25 Julai 2023 di KM 66.1 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pemilik Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) mengambil perhatian serius mengenai kejadian tanah mendap di Kilometer KM66.1 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) yang berlaku pada 25 Julai 2023 dan punca sebenar kejadian masih lagi di dalam siasatan.
2. Buat pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pembinaan ECRL telah melalui proses yang terperinci daripada peringkat rekabentuk hinggalah ke pembinaan. Semasa proses rekabentuk, *Independent Checking Engineer* (ICE) telah dilantik untuk memastikan rekabentuk yang dicadangkan adalah memenuhi keperluan projek dan selamat. Manakala di peringkat pembinaan, *Supervision Consultant* (SC) akan memantau pembinaan yang dijalankan sepertimana yang direkabentuk dan juga memastikan keselamatan kaedah pembinaan.
3. Di samping itu, rekabentuk yang dicadangkan juga akan dikemukakan kepada pihak Jabatan Teknikal yang berkenaan bagi memastikan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.
4. Ahli Yang Berhormat, kaedah pembinaan yang lebih khusus telah dijalankan di kawasan tersebut, iaitu:
  - i. Pengukuhan tanah di bawah lebuhraya iaitu di laluan pembinaan terowong dengan kaedah *curtain grouting*; dan
  - ii. Pemasangan 39 buah *surface settlement marker* di sepanjang lebuhraya sebagai langkah berjaga-jaga bagi memantau sebarang pergerakan tanah atau mendapan pada struktur lebuhraya ketika kerja-kerja pengorekan terowong sedang dijalankan.

5. Susulan kepada kejadian mendapan tersebut, pihak MRL dan CCCC-ECRL telah mengambil beberapa langkah segera bagi memastikan kejadian tersebut tidak berulang antaranya ialah:-

- i. Melaksanakan kajian yang lebih terperinci di kawasan-kawasan laluan seperti merujuk sejarah guna tanah dan pembinaan di kawasan yang berkenaan;
- ii. Menjalankan kajian bagi mengenal pasti keadaan bawah tanah seperti *Void Detection Survey (Ground Penetration Radar)*;
- iii. Menilai kembali kaedah pengukuhan tanah yang lebih bersesuaian dan ianya bergantung kepada data yang diperolehi daripada siasatan bawah tanah; dan
- iv. Meningkatkan kekerapan pengambilan bacaan *surface settlement marker* bagi kerja-kerja pengorekan terowong yang melintasi lebuhraya di masa hadapan.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa kini, terdapat 4 buah terowong yang akan melintasi Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (KLK) iaitu Terowong Bentong 2, Terowong Lubuk Mandi 1 dan terowong berkembar projek ECRL iaitu Terowong Genting. MRL dan CCCC-ECRL akan menjalankan pemantauan rapi serta berterusan sepanjang kerja-kerja terowong ini dijalankan bagi memastikan kejadian mendapan tanah tidak berulang.

Sekian, terima kasih.